

JUZU' KE-23

**SURAH
SAAD**

لَمَّا يَذُوقُوا عَذَابًا ۝

أَمْ عِنْدَهُمْ خَرَائِنٌ رَحْمَةٌ رِيْكَ الْعَزِيزُ الْوَهَابٌ ۝

أَمْ لَهُمْ مُلْكٌ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا فَلَيَرَتُقُوا
فِي الْأَسْبَابِ ۝

جُنُدُّ مَا هَنَدِلَكَ مَهْرُومٌ مِنَ الْأَحْرَابِ ۝

كَذَبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمٌ نُوحٌ وَعَادٌ وَفِرْعَوْنُ ذُو الْأَوْتَادِ
وَثَمُودٌ وَقَوْمُ لُوطٍ وَاصْحَابُ لَعْيَكَةَ أُولَئِكَ
الْأَحْرَابُ ۝

إِنْ كُلُّ إِلَّا كَذَبَ الرَّسُولُ فَحَقٌّ عِقَابٌ ۝

وَمَا يَنْظُرُهُؤُلَاءِ إِلَّا صِحَّةٌ وَحِدَةٌ مَالَهَا مِنْ فَوَاقٍ ۝

وَقَالُوا رَبَّنَا أَعْجَلْ لَنَا قَطْنَانًا قَبْلَ يَوْمِ الْحِسَابِ ۝

"Apakah patut Al-Qur'an itu diturunkan kepadanya (Muhammad) di antara kamu semua? Sebenarnya mereka berada di dalam keraguan terhadap kitab suci-Ku, sebenarnya mereka belum lagi merasa 'azab-Ku (8). Apakah mereka mempunyai khazanah-khazanah rahmat Tuhanmu Yang Maha Perkasa dan Maha Pengurnia? (9) Atau apakah mereka memiliki kerajaan langit, bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya. (Jika ada), maka hendaklah mereka naik melalui jalan-jalan (ke langit) (10). Mereka hanya sepasukan tentera kerdiil yang kalah di sana yang terdiri dari berbagai-bagai kumpulan (11). Sebelum mereka, kaum Nuh, 'Ad dan Fir'aun yang memiliki bangunan-bangunan Ahram laksana pasak-pasak bumi itu telah pun mendustakan (rasul-rasul mereka) (12). Juga Thamud, kaum Lut dan penduduk Aykah, merekalah kumpulan-kumpulan (penentang Rasul) (13). Tiada satu pun dari kaum-kaum itu melainkan semuanya telah mendustakan para rasul dan kerana itu (mereka) telah ditimpah balasan 'azab (14). Dan tiada yang ditunggu mereka melainkan hanya satu pekikan yang kuat, yang tidak terlewati sedikit pun (15). Dan mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Segerakanlah bahagian balasan yang diperuntukkan kepada kami sebelum tibanya hari Hisab."(16)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih
(Kumpulan ayat-ayat 1 - 16)
صَ وَالْقُرْءَانِ ذِي الْذِكْرِ ۝
بَلِ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي عِزَّةٍ وَشَقَاقٍ ۝
كُمْ أَهْلُكُنَا مِنْ قَبْلِهِمْ مِنْ قَرْنٍ فَنَادُوا أَوْلَادَهُنَّ حِينَ مَنَاصِ ۝
وَعَجَبُوا أَنْ جَاءَهُمْ مُنْذِرٌ مِنْهُمْ وَقَالَ الْكُفَّارُ هَذَا
سَحْرٌ كَذَابٌ ۝
أَجَعَلَ الْأَكْلَهَةَ إِلَهًا وَحْدَهُ إِنَّ هَذَا الشَّيْءُ بِعْجَابٌ ۝
وَأَنْطَقَ الْمَلَائِكَةَ أَنَّ أَمْسِوَأَصْبِرُ وَأَعْلَىَ الْهَرَكَةِ
إِنَّ هَذَا الشَّيْءُ يُرَادٌ ۝
مَا سِعَنَا بِهِذَا فِي الْمَلَوِّ الْآخِرَةِ إِنَّ هَذَا إِلَّا اخْتِلَافٌ ۝

"Saad, demi Al-Qur'an yang mengandungi peringatan (1). Sebenarnya orang-orang yang kafir berada di dalam keangkuhan dan permusuhan yang sengit (2). Berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka? Lalu mereka meminta pertolongan sedangkan waktu itu bukanlah waktu yang dapat melarikan diri (3). Dan mereka merasa hairan kerana mereka di datangi seorang rasul dari kalangan mereka yang memberi amaran, dan berkatalah orang-orang kafir: Orang ini adalah seorang ahli sihir yang banyak berdusta (4). Apakah patut dia hendak menjadikan tuhan-tuhan yang banyak itu hanya satu Tuhan sahaja? Sesungguhnya ini adalah satu perkara yang amat menghairrankan (5). Lalu keluarlah pemimpin-pemimpin dari mereka (seraya berkata): Jalani terus agama kamu dan bersabarlah menyembah tuhan-tuhan kamu, kerana (da'wah tauhid) ini adalah suatu perkara yang dikehendaki (di sebaliknya satu tujuan yang lain) (6). Kami tidak pernah mendengar (da'wah tauhid) ini di dalam agama yang terakhir (Kristian). Ini tiada lain melainkan hanya suatu pembohongan semata-mata" (7).

أَنْزَلَ عَلَيْهِ الْذِكْرُ مِنْ بَيْنِ أَبْلَهُ فِي شَأْنٍ مِنْ ذِكْرِي بَلْ

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini ialah Surah Makkiyah yang membicarakan sebahagian dari maudhu'-maudhu' Surah-surah Makkiyah iaitu persoalan tauhid, persoalan wahyu kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan persoalan hisab di Akhirat. Ketiga-tiga persoalan itu telah dibentangkan di permulaan surah ini sebagai ayat-ayat pusingannya yang pertama, iaitu, ayat-ayat yang menggambarkan rasa hairan, pelik dan terkejut dari pembesar-pembesar kaum Musyrikin di Makkah apabila mereka menerima da'wah Nabi s.a.w. yang mengajak mereka mentauhidkan Allah. Ayat-ayat itu juga menerangkan kepada mereka kisah wahyu dan kisah beliau dipilih menjadi utusan dari Allah:

وَعَجِبُوا أَنْ جَاءَهُمْ مُنذِرٌ مِّنْهُمْ وَقَالَ الْكُفَّارُ هَذَا
سَحْرٌ كَذَابٌ ﴿٤﴾
أَجَعَلَ اللَّهُ إِلَهًا وَاحِدًا إِنَّ هَذَا الشَّيْءٌ عَجَابٌ ﴿٥﴾
وَأَنْطَلَقَ الْمَلَائِكَةُ مِنْهُمْ أَنَّ أَمْشُوْا وَأَصْبِرُ وَأَعْلَمَ الْهَتَّاكُمْ
إِنَّ هَذَا الشَّيْءٌ يُرَادٌ ﴿٦﴾
مَا سِمعَنَا بِهَذَا فِي الْعِلْمَ الْآخِرَةِ إِنَّ هَذَا إِلَّا أَخْتِلَاقٌ ﴿٧﴾
أَنْزَلَ عَلَيْهِ الْذِكْرُ مِنْ بَيْنِنَا ﴿٨﴾

"Dan mereka merasa hairan kerana mereka di datangi seorang rasul dari kalangan mereka yang memberi amaran, dan berkatalah orang-orang kafir: Orang ini adalah seorang ahli sihir yang banyak berdusta (4). Apakah patut dia hendak menjadikan tuhan-tuhan yang banyak itu hanya satu Tuhan sahaja? Sesungguhnya ini adalah satu perkara yang amat menghairankan (5). Lalu keluarlah pemimpin-pemimpin dari mereka (seraya berkata): Jalani terus agama kamu dan bersabarlah menyembah tuhan-tuhan kamu, kerana (da'wah tauhid) ini adalah suatu perkara yang dikehendaki (di sebaliknya satu tujuan yang lain).(6) Kami tidak pernah mendengar (da'wah tauhid) ini di dalam agama yang terakhir (Kristian). Ini tiada lain melainkan hanya suatu pembohongan semata-mata.(7) Apakah patut Al-Qur'an itu diturunkan kepadanya (Muhammad) di antara kami semua?"(8)

Begitu juga ayat-ayat itu menggambarkan ejekan dan sendaan mereka terhadap janji 'azab yang diancamkan kepada mereka sebagai balasan kepada pembohongan mereka:

وَقَالُوا إِنَّا عَجَلْ لَنَا قَطْنًا قَبْلَ يَوْمِ الْحِسَابِ ﴿٩﴾

"Dan mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Segerakanlah bahagian balasan yang diperuntukkan kepada kami sebelum tibanya hari Hisab."(16)

Mereka merasa terlalu banyak apabila Allah S.W.T. memilih salah seorang dari kalangan mereka untuk diturunkan kepadanya kitab suci dan lebih-lebih lagi apabila orang itu ialah Muhammad ibn Abdullah

seorang yang belum pernah menjadi ketua dan pemimpin mereka. Oleh kerana itu Allah menyoal mereka di permulaan surah berikut dengan kecaman mereka mengenai perkara ini iaitu ketika mereka berkata:

أَنْزَلَ عَلَيْهِ الْذِكْرُ مِنْ بَيْنِنَا

"Apakah patut Al-Qur'an itu diturunkan kepadanya (Muhammad) di antara kami semua?"(8)

Allah menyoal mereka:

أَمْ عِنْدَهُمْ خَرَائِنُ رَحْمَةِ رَبِّ الْعَزِيزِ أَوْهَابٌ ﴿٩﴾
أَمْ لَهُمْ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا فَلَيَرْتَقُوا
فِي الْأَسْبَابِ ﴿١٠﴾

"Apakah mereka mempunyai khazanah-khazanah rahmat Tuhanmu Yang Mahu Perkasa dan Maha Pengurnia? (9) Atau apakah mereka memiliki kerajaan langit, bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya. (Jika ada), maka hendaklah mereka naik melalui jalan-jalan (ke langit)." (10)

Allah mengatakan kepada mereka bahawa rahmat Allah itu tidak dapat ditahan oleh sesuatu apa pun apabila Allah mahu mengurniakannya kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan manusia tidak memiliki sesuatu apa pun dalam kerajaan langit dan bumi. Allah mengurniakan rezeki dan rahmat-Nya kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya. Allah memilih dari kalangan hamba-hamba-Nya sesiapa yang wajar menerima rahmat kebajikan itu. Allah mengurniakan kepada mereka berbagai-bagai ni'mat tanpa ikatan, tanpa batas dan tanpa Hisab. Dalam penerangan ini dibawa pula kisah Daud dan kisah Sulaiman yang telah dikurniakan ni'mat menjadi Nabi dan ni'mat menjadi pemerintah, juga ni'mat kemudahan menundukkan gunung-ganang, ungas, jin dan angin di samping ni'mat memegang kerajaan, memiliki perbendaharaan-perbendaharaan bumi, kekuasaan dan kesenangan.

Di samping semua ni'mat-ni'mat itu, kedua-duanya tetap merupakan manusia seperti manusia-manusia yang lain belaka. Kedua-duanya telah dilanda kelemahan-kelemahan manusia, lalu Allah menolong mereka dengan rahmat dan ri'ayah-Nya yang dapat menutupkan kelemahan mereka. Allah menerima taubat mereka dan membetulkan jejak langkah mereka di jalan menuju kepada Allah.

Di dalam dua kisah ini terdapat arahan Ilahi menyuruh Rasulullah s.a.w. supaya beliau bersabar menghadapi tentangan para pendusta dan supaya beliau sentiasa mengharapkan limpah kurnia Allah dan ri'ayah-Nya sebagaimana yang digambar oleh Kisah Daud dan Sulaiman itu:

أَصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَادْكُ عَبْدَنَا دَاؤَدَ دَاؤَدَ إِنَّهُمْ
أَوَّابُ

﴿١٧﴾

"(Wahai Muhammad!) Sabarlah terhadap apa sahaja yang dikatakan mereka, dan kenangkanlah hamba Kami Daud yang mempunyai kekuatan-kekuatan, sesungguhnya dia seorang yang sentiasa kembali kepada Allah."(17)

Hingga akhir kisah keduanya.

Begitu juga Al-Qur'an membawa kisah Ayyub yang menggambarkan bagaimana Allah menguji hamba-hamba-Nya yang terpilih dengan kesusahan dan bagaimana Ayyub telah memperlihatkan satu contoh kesabaran yang amat tinggi, juga menggambarkan bagaimana Ayyub mendapat kesudahan yang baik, bagaimana beliau dilimpahkan Allah dengan rahmat-Nya dan bagaimana kesakitan dan penderitaannya diusapkan tangan rahmat Ilahi Yang Maha Penyayang. Kisah ini dibawa untuk menghiburkan Rasulullah s.a.w. dan para Mu'minin yang sedang menderita di kota Makkah, juga untuk menunjukkan adanya rahmat yang melimpah-ruah dari khazanah-khazanah Allah di sebalik ujian itu apabila dikehendaki-Nya.

Kisah-kisah ini mengambil ruang yang terbesar dari surah ini selepas ayat-ayat muqaddimah, dan ia merupakan pusingan yang kedua dari surah ini.

Begitu juga surah ini memuat jawapan terhadap permintaan kaum Musyrikin supaya disegerakan 'azab yang dijanjikan kepada mereka:

وَقَالُوا إِنَّا نَعْجَلُ لَنَا قِطْنًا قَبْلَ يَوْمِ الْحِسَابِ

"Dan mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Segerakanlah bahagian balasan yang diperuntukkan kepada kami sebelum tibanya hari Hisab."(16)

Dan selepas mengemukakan kisah-kisah itu ditayangkan pula satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat, iaitu pemandangan yang menggambarkan ni'mat-ni'mat yang menunggu para Muttaqin dan balasan Neraka yang menunggu para pendusta. Pemandangan itu juga mendedahkan kemantapan nilai-nilai yang hakiki di Akhirat di antara dua golongan itu apabila orang-orang kafir yang angkuh itu melihat nasib kesudahan mereka dan nasib kesudahan para Mu'minin yang miskin dan lemah yang diejek-ejek dan dihinakan mereka di dunia, iaitu orang-orang yang telah dianggapkan mereka sebagai terlalu banyak untuk menerima rahmat Allah kerana mereka bukannya dari golongan tokoh-tokoh orang besar. Sementara para Muttaqin mendapat tempat kembali yang amat baik:

جَنَّتٌ عَدِينٌ مُفْتَحَةٌ لَهُمُ الْأَبْوَابُ

مُتَكَبِّرُونَ فِيهَا يَدْعُونَ فِيهَا يَفَرَّكُهُ كَثِيرٌ وَشَرَابٌ

وَعِنْدَهُمْ قَصْرَاتُ الظَّرْفِ أَثْرَابٌ

"Iaitu Syurga-syurga 'Adni yang terbuka segala pintu-pintunya untuk mereka (50). Mereka (beristirehat) bersandar di atas takhta-takhta di dalam Syurga sambil meminta berbagai-bagi buah-buahan dan minuman (51). Dan di

samping mereka bidadari-bidadari yang menumpukan pandangan kepada mereka sahaja dan sebaya pula umurnya."(52)

Sementara para manusia pelampau mendapat tempat kembali yang amat buruk:

جَهَنَّمَ يَصْلُوْنَهَا فِيْسَ الْمَهَادُ

هَذَا فَلَيْذُ وَقُوْهُ حَمِيمٌ وَغَسَاقٌ

وَءَاخَرُ مِنْ شَكْلِهِ أَزْوَاجٌ

"Iaitu Neraka yang akan mereka masukinya, maka itulah seburuk-buruk tempat kembali (56). Inilah 'azab seksa, maka hendaklah mereka rasakannya, iaitu air yang amat panas dan air danur (57). Dan (di sana) terdapat berbagai-bagi 'azab yang lain yang serupa dengannya pula."(58)

Mereka bergaduh, bertengkar dan saling mengutuk satu sama lain di dalam Neraka, dan mereka teringat bagaimana mereka mengejek dan mempersenda-sendakan orang-orang yang beriman:

وَقَالُوا مَا نَلَانَا لَا نَرِيْدُ رِجَالًا كَانُوا دُهُورًا مِنَ الْأَشْرَارِ

أَتَخَذَنَهُمْ سَخْرِيًّا أَمْ زَاغَتْ عَنْهُمُ الْأَبْصَرُ

"Dan mereka berkata. (sesama mereka) mengapa kita tidak nampak orang-orang yang dahulunya kita kirakan mereka sebagai orang-orang yang jahat (62). Yang kita jadikan mereka sebagai bahan ejekan atau mata kita sahaja yang tidak nampak mereka?"(63)

Mereka tidak dapat menemui orang-orang itu di dalam Neraka. Rupa-rupanya orang-orang itu berada di dalam Syurga sana. Inilah jawapan terhadap perbuatan mereka yang meminta disegerakan 'azab dan perbuatan mereka yang suka mengejek.

Pemandangan ini merupakan pusingan yang ketiga dari surah ini.

Begitu juga Al-Qur'an menjawab keingkaran mereka terhadap wahyu yang disampaikan Rasulullah s.a.w. kepada mereka. Jawapan itu terkandung di dalam kisah Adam di alam Al-Mala'u'l-A'la, Rasulullah s.a.w. tidak hadir sendiri di sana, malah kisah yang berlaku di sana itu hanya diberitahu Allah kepada beliau, iaitu kisah yang tidak disaksikan oleh manapun manusia selain Adam. Dari kisah ini ternyata bahawa yang merosakkannya Iblis, dan yang menyebabkan Iblis diusir dan dikutuk ialah kedengkiannya kepada Adam a.s. dan sikapnya yang merasa terlalu banyak apabila Allah memilih dan mengutamakan Adam daripadanya. Samalah dengan kaum Musyrikin yang merasa terlalu banyak apabila Allah memilih dari kalangan mereka Muhammad s.a.w. untuk diturunkan kitab suci kepadanya. Sikap yang diambil mereka adalah sama dengan sikap yang diambil Iblis yang terusir dan terkutuk itu.

Surah ini berakhir dengan tamatnya pusingan yang keempat dan terakhir ini, iaitu ditamatkan dengan

satu kenyataan Rasulullah s.a.w. kepada kaum Musyrikin bahawa da'wah beliau kepada mereka bukanlah terbit daripada dirinya sendiri, dan beliau tidak meminta apa-apa upah dari da'wah itu dan da'wah itu mempunyai masa depan yang amat agung yang akan lahir tidak lama lagi:

قُلْ مَا أَسْعَلْكُ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ وَمَا أَنَا مِنْ أُمْتَكَلِّفِينَ
۝
إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَالَمِينَ
۝
وَلَتَعْلَمُنَّ بَعْدَهُ بَعْدَ حِينَ
۝

"(Wahai Muhammad!) katakanlah: Aku tidak meminta sebarang upah dari kamu dan aku bukanlah dari orang-orang yang mengada-ngada (86). (Al-Qur'an) itu tidak lain melainkan peringatan kepada semesta alam (87). Dan demi sesungguhnya kamu akan mengetahui (kebenaran) berita Al-Qur'an itu tidak lama lagi." (88)

* * * * *

Keempat-empat pusingan yang memperkatakan maudhu'-maudhu' surah ini telah membawa hati manusia mengembara untuk meninjau kisah-kisah kebinasaan umat-umat yang terdahulu yang bertindak melampau, bermaharajela dan menunjukkan lagak yang sombong terhadap para rasul dan orang-orang Mu'min, kemudian seluruh mereka berakhir dengan kekalahan, kehancuran dan kekecewaan:

جُنْدُ مَا هَنَالِكَ مَهْزُومٌ مِّنَ الْأَخْرَابِ
۝
كَذَّبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمٌ نُوحٌ وَّعَادٌ وَّفِرْعَوْنُ زُوْلُ الْأَوْتَادِ
۝
وَتَمُودُ وَقَوْمٌ لُّوطٌ وَّاصْحَابُ لَعِيَّكَةٍ أُولَئِكَ
الْأَخْرَابُ
۝
إِنْ كُلُّ إِلَّا كَذَّبَ الرُّسُلَ فَحَقَّ عِقَابٌ
۝

"Mereka hanya sepasukan tentera kerdil yang kalah di sana yang terdiri dari berbagai-bagai kumpulan (11). Sebelum mereka, kaum Nuh, 'Ad dan Fir'aun yang memiliki bangunan-bangunan Ahram laksana pasak-pasak bumi itu telah pun mendustakan (rasul-rasul mereka) (12). Juga Thamud, kaum Lut dan penduduk Aykah, merekalah kumpulan-kumpulan (penentang Rasul) (13). Tiada satu pun dari kaum-kaum itu melainkan semuanya telah mendustakan para rasul dan kerana itu (mereka) telah ditimpa balasan 'azab.(14)

Lembaran kisah kekalahan, kehancuran dan kebinasaan para pemerintah yang zalim, dan pendusta ini ditayangkan kepada hati manusia, kemudian ditayangkan pula lembaran kisah kemuliaan, kedudukan yang kukuh, rahmat dan ri'ayah Allah terhadap hamba-hamba-Nya yang terpilih di dalam kisah-kisah Daud, Sulaiman dan Ayyub.

Kisah kedua-dua golongan itu adalah berlaku di bumi ini, kemudian Al-Qur'an membawa hati manusia menjelajahi hari Qiamat dan meninjau di sebaliknya pemandangan Syurga yang penuh ni'mat dan keredaan, juga pemandangan-pemandangan Neraka dan kemurkaan. Di sana mereka dapat melihat satu jenis balasan yang lain yang akan diterima kedua-dua golongan di alam Akhirat yang kekal abadi setelah mereka menerima balasan masing-masing di alam dunia yang fana.

Pengembalaan yang akhir ialah dalam kisah Adam manusia yang pertama yang dengki dan digodakan oleh syaitan musuhnya yang pertama, dialah yang memimpin langkah-langkah manusia yang sesat dengan sengaja dan penuh azam, sedangkan manusia larai dan tidak sedar.

Demikian juga terdapat di celah-celah kisah-kisah itu satu pernyataan yang menarik dan menyentuh hati manusia serta menyedarkannya terhadap kebenaran yang wujud dalam penciptaan langit dan bumi. Itulah kebenaran yang dikehendaki Allah dengan mengutuskan para rasul supaya menerangkannya kepada manusia:

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاءَ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا بِطَلَّا

"Dan Kami tidak ciptakan langit, bumi dan kejadian-kejadian di antara keduanya suatu perkara yang batil." (27)

Inilah satu pernyataan yang menarik yang banyak terdapat seumpamanya di dalam Al-Qur'an. Pernyataan ini merupakan satu hakikat semulajadi dari hakikat-hakikat 'aqidah Islam yang menjadi bahan pembicaraan pokok Surah-surah Makkiyah.

Sekarang marilah kita tafsirkan dengan terperinci.

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

صَ وَالْقَرَءَانِ ذِي الذِّكْرِ
۝
بَلِ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي عِزَّةٍ وَشَقَاقٍ
۝
كَمَا هَلَكَنَا مِنْ قَبْلِهِمْ مِنْ قَرْنٍ فَنَادَوْلَاتٍ حِينَ مَنَاصِ
۝

"Saad, demi Al-Qur'an yang mengandungi peringatan (1). Sebenarnya orang-orang yang kafir berada di dalam keangkuhan dan perrusuhan yang sengit (2). Berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka? Lalu mereka meminta pertolongan sedangkan waktu itu bukanlah waktu yang dapat melaikan diri." (3)

Allah bersumpah dengan huruf (ص) "Saad" dan dengan "Al-Qur'an yang mengandungi peringatan". Huruf ini adalah dari ciptaan Allah Ta'ala. Allah mengadakan huruf itu dalam bentuk bunyi dalam kerongkong manusia dan dalam bentuk huruf hijai'iyyah yang membentuk ayat-ayat Al-Qur'an. Huruf-huruf itu boleh disusun oleh manusia, tetapi Al-Qur'an tidak dapat disusun oleh mereka kerana Al-Qur'an adalah dari gubahan Allah semata-mata. Al-Qur'an mengandungi gubahan Allah, iaitu gubahan yang tidak dapat ditiru manusia sama ada di dalam

Al-Qur'an atau lain dari Al-Qur'an. Bunyi huruf "saad" ini dikeluarkan oleh kerongkong manusia. Kebolehan manusia mengeluarkan bunyi huruf itu dari kerongkongnya adalah dengan kudrat Allah yang telah menciptakan kerongkong itu dan segala bunyi yang dikeluarkannya. Manusia tidak berkuasa menciptakan kerongkong yang seperti ini yang dapat mengeluarkan berbagai-bagai bunyi dan suara. Ia merupakan satu anggota mu'jizat andainya manusia mengamati dan memahami kejadian-kejadian mu'jizat dalam setiap bahagian anggota kejadian diri mereka sendiri. Andainya mereka memahaminya tentulah mereka tidak hairan kepada wahyu yang diturunkan Allah kepada seseorang manusia yang dipilih dari kalangan mereka, kerana wahyu bukanlah suatu perkara yang lebih aneh dari ciri-ciri mu'jizat yang terdapat pada anggota-anggota kejadian diri mereka sendiri.

صَوْلَقْرَاءِ إِنْ ذِي الْذِكْرِ

"Saad, demi Al-Qur'an yang mengandungi peringatan."(1)

Al-Qur'an mengandungi peringatan atau az-Zikr di samping mengandungi perundangan, kisah-kisah dan didikan-didikan, tetapi peringatan dan penumpuan arah tujuan kepada Allah itulah matlamat yang pertama. Ia merupakan hakikat yang utama di dalam Al-Qur'an, sedangkan perundangan, kisah-kisah dan lainnya hanya merupakan sebahagian dari peringatan ini sahaja. Semuanya mengingatkan kepada Allah dan membimbing hati manusia kepada Allah di dalam Al-Qur'an ini. Mungkin juga "ذِي الْذِكْرِ" itu dimaksudkan dengan makna "yang tersebut dan termasyhur". Ini juga satu sifat semulajadi Al-Qur'an:

بَلِ الَّذِينَ كُفَّارٌ فِي عَزَّةٍ وَشَقَاقٍ

"Sebenarnya orang-orang yang kafir berada di dalam keangkuhan dan permusuhan yang sengit."(2)

Sikap Kaum Musyrikin Terhadap Al-Qur'an

Peralihan pembicaraan secara mendadak ini menarikkan perhatian. Ia kelihatan seolah-olah putus dari pembicaraan yang pertama, iaitu pembicaraan mengenai sumpah dengan (ص) "Saad" dan dengan Al-Qur'an "Ziz-zikri" (ذِي الْذِكْرِ). Pembicaraan mengenai sumpah ini belum lagi selesai, kerana perkara yang dipersumpahkan itu belum lagi disebut. Al-Qur'an hanya berpada dengan menyebut sumpah sahaja kemudian ia terus bercakap mengenai kaum Musyrikin dan sifat-sifat mereka yang angkuh dan berseteru, tetapi sebenarnya pembicaraan ini hanya pada lahir sahaja nampak terputus, malah ia lebih menarikkan perhatian kepada persoalan selepas itu. Apabila Allah bersumpah dengan (ص) "Saad" dan dengan Al-Qur'an ziz-zikri, maka dengan sendirinya menunjukkan bahawa Al-Qur'an itu adalah suatu perkara yang amat besar yang wajar bagi Allah S.W.T. bersumpah dengannya. Kemudian di samping menerangkan hakikat ini ia mendedahkan pula sifat kaum Musyrikin yang angkuh dan sikap mereka yang

menentang dan memusuhi Al-Qur'an. Di sini jelaslah bahawa persoalan yang dibincarkan itu adalah satu persoalan yang sama sebelum dan selepas dibuat peralihan pembicaraan dengan kata-kata "بل" atau "sebenarnya". Uslub peralihan pembicaraan yang seperti ini dapat menarikkan perhatian yang lebih besar supaya memperhatikan perbezaan yang jauh di antara pandangan Allah yang amat tinggi terhadap Al-Qur'an ini dengan pandangan kaum Musyrikin yang angkuh dan berseteru terhadap Al-Qur'an. Ini adalah satu perkara yang amat besar.

Selepas menyebut, sikap kaum Musyrikin yang angkuh dan berseteru itu diiringi pula dengan membentangkan sejarah kebinasaan dan kehancuran umat-umat sebelum mereka yang telah mendusta rasul-rasul, berlagak sompong dan berseteru seperti mereka. Al-Qur'an menayangkan pemandangan umat itu sedang memohon pertolongan tetapi mereka tidak diberi pertolongan. Hilanglah kesombongan mereka dan mulalah mereka merasa hina-dina. Hilanglah perseteruan mereka dan mulalah mereka meminta kasihan belas, tetapi masanya telah luput:

كَمْ أَهْلَكَنَا مِنْ قَبْلِهِمْ مِنْ قَرْنَاتِ وَأَوَّلَاتِ حِينَ مَنَاصِ

"Berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka? Lalu mereka meminta pertolongan sedangkan waktu itu bukanlah waktunya dapat melarikan diri."(3)

Semoga kaum Musyrikin yang membaca sejarah umat-umat ini merendahkan sikap mereka yang angkuh itu dan mengubahkan sikap perseteruan mereka. Dan semoga mereka meletakkan diri mereka dalam peristiwa umat-umat itu yang sedang bersuru memohon pertolongan, kerana mereka sekarang masih mempunyai peluang yang luas sebelum berlaku peristiwa seperti itu kepada mereka, iaitu peristiwa 'azab yang tidak memberi jalan keluar dan tidak memberi ruang untuk dipohon pertolongan dan kelepasan.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 7)

Al-Qur'an mengetuk hati kaum Musyrikin dengan kisah kebinasaan itu sebelum ia menghuraikan sikap mereka yang angkuh dan berseteru itu. Kemudian barulah ia, menjelaskan keadaan mereka dan menceritakan tindak-tanduk mereka yang sompong dan berseteru itu:

وَعَجَبُوا أَنْ جَاءَهُمْ مِنْذُ رَمْنَهُمْ وَقَالَ الْكُفَّارُ هَذَا سَحْرٌ كَذَابٌ

أَجْعَلَ الْأَلْهَمَةَ إِلَهًا وَحْدَهُ إِنَّ هَذَا الشَّيْءُ بُعْجَابٌ
وَأَنْطَقَ الْمُلْكَ مِنْهُمْ أَنْ أَمْشُوا وَأَصْبِرُ وَأَعْلَمُ الْهَتَّاكَ

إِنَّ هَذَا لِشَيْءٍ وَرَاءَ الْأَكْثَارِ ۚ

مَا سَمِعْنَا بِهَذَا فِي الْمُلَّا أَكْثَرَ إِنْ هَذَا إِلَّا اخْتِلَاقٌ ۚ

"Dan mereka merasa hairan kerana mereka didatangi seorang rasul dari kalangan mereka yang memberi amaran, dan berkatalah orang-orang kafir: Orang ini adalah seorang ahli sihir yang banyak berdusta (4). Apakah patut dia hendak menjadikan tuhan-tuhan yang banyak itu hanya satu Tuhan sahaja? Sesungguhnya ini adalah satu perkara yang amat menghairankan (5). Lalu keluarlah pemimpin-pemimpin dari mereka (seraya berkata): Jalani terus agama kamu dan bersabarlah menyembah tuhan-tuhan kamu, kerana (da'wah tauhid) ini adalah suatu perkara yang dikehendaki (di sebaliknya satu tujuan yang lain) (6). Kami tidak pernah mendengar (da'wah tauhid) ini di dalam agama yang terakhir (Kristian). Ini tiada lain melainkan hanya suatu pembohongan semata-mata."(7)

Sifat-sifat mereka yang angkuh dan berseteru itu dapat dilihat pada perkataan-perkataan mereka yang berikut:

أَعْنَزْ عَلَيْهِ الذِّكْرُ مِنْ بَيْنَ

"Apakah patut kitab suci Al-Qur'an itu diturunkan kepadanya (Muhammad) di antara Kami semua?" (8)

أَجْعَلُ الْآلهَةَ إِلَيْهَا وَاحِدًا

"Apakah patut dia hendak menjadikan tuhan-tuhan yang banyak itu hanya satu Tuhan sahaja?" (5)

مَا سَمِعْنَا بِهَذَا فِي الْمُلَّا أَكْثَرَ

"Kami tidak pernah mendengar (da'wah tauhid) ini dalam agama yang terakhir (Kristian)." (7)

هَذَا إِلَّا سَاحِرٌ كَذَابٌ

"Orang ini adalah seorang ahli sihir yang banyak berdusta." (4)

إِنْ هَذَا إِلَّا اخْتِلَاقٌ

"Ini tidak lain, melainkan hanya suatu pembohongan semata-mata." (7)

Hikmat Rasul Dipilih Dari Makhluk Biasa

Kisah kehairanan dan keanehan manusia menjadi Rasul itu adalah suatu kisah lama yang berulang-ulang. Itulah alasan yang dikatakan oleh setiap umat sejak permulaan diutuskan para rasul. Allah mengutuskan Rasul-rasul itu berulang-ulang kali dari jenis manusia, namun manusia masih mengulang-gulangkan bantahan yang serupa:

وَجَبَوْا أَنْ جَاءَهُمْ مُنْذِرٌ مِّنْهُمْ

"Dan mereka merasa hairan kerana mereka di datangi seorang rasul dari kalangan mereka yang memberi amaran."(4)

Yang paling pasti dan paling dekat dengan hikmat kebijaksanaan dan logik Rasul itu dipilih dari jenis manusia ialah supaya Rasul itu dapat memahami bagaimana manusia berfikir dan merasa, juga supaya dia dapat merasa apa yang dirasai oleh jiwa mereka

dan apa yang dialami mereka dari kelemahan dan kekurangan, juga supaya dia dapat memahami keinginan-keinginan dan kecenderungan-kecenderungan mereka, memahami usaha dan kerja yang dapat dibuat dan yang tidak dapat dibuat oleh mereka, memahami halangan-halangan dan rintangan-rintangan yang dihadapi mereka dan memahami segala sesuatu yang memberi kesan-kesan kepada mereka dan menimbulkan tindakbalas-tindakbalas dari mereka.

Rasul adalah seorang manusia yang hidup dalam masyarakat manusia supaya hidupnya menjadi contoh teladan kepada mereka, kerana mereka merasa dia adalah salah seorang dari mereka dan merasa bahawa di antara mereka dengan dia terdapat titik-titik keserupaan dan pertalian. Dengan demikian wajarlah mereka dituntut melaksanakan sistem hidup yang diikutinya dan diseru supaya mengikutinya. Mereka memang berupaya mengikut sistem hidup itu kerana sistem itu telah pun dihayatikan oleh seorang manusia seperti mereka, di alam kenyataan.

Rasul adalah seorang manusia dari kalangan mereka sendiri, dari generasi mereka dan sebahasa dengan mereka. Dia mengerti istilah-istilah, adat resam dan peraturan hidup mereka. Mereka pula tahu bahasa-bahasa dan memahami percakapannya. Mereka boleh bercakap-cakap dengannya dan kerana itu tidak ada sebarang jurang yang memisahkan di antara dia dan mereka kerana kelainan jenis atau kelainan bahasa atau kelainan tabi'at hidup atau peraturan-peraturan hidup.

Tetapi yang paling pasti dan paling dekat berlaku kepadanya ialah dia sentiasa menjadi sasaran kehairanan, kecaman dan pendustaan kerana mereka tidak memahami hikmat pemilihan ini di samping kesilapan mereka memahami tabi'at kerasulan. Sepatutnya mereka memahami kerasulan itu sebagai suatu kepimpinan manusia di alam kenyataan dalam perjalanan menuju kepada Allah, tetapi mereka memahaminya sebagai tokoh dongeng yang penuh diselubungi rahsia-rahsia yang tidak dapat difahami. Mereka mahukan Rasul seorang tokoh fantastik yang terbang melayang-layang dan tidak boleh disentuh oleh tangan, tidak boleh dilihat di dalam cahaya, tidak boleh difaham dengan jelas dan tidak hidup dalam dunia manusia. Ketika itulah mereka menerima mereka sebagai tokoh dongeng yang kabur sebagaimana mereka menerima cerita-cerita dongeng yang menjadi bahan kepercayaan mereka yang karut marut.

Tetapi Allah mahukan umat manusia terutama di dalam risalah yang terakhir hidup dengan risalah ini dalam dunia kenyataan, iaitu hidup yang normal, lurus, bersih dan luhur, tetapi ia tetap merupakan hakikat di bumi ini, bukannya fantasi dan khayalan, bukannya sesuatu yang terbang melayang-layang di langit dongeng dan impian yang sukar direalisasikan atau sesuatu yang hilang dalam kabus-kabus khayal dan fantasi.

وَعَجِبُوا أَن جَاءَهُمْ مُنذِرٌ مِّنْهُمْ وَقَالَ الْكُفَّارُونَ هَذَا

سَحْرٌ كَذَابٌ

"Dan mereka merasa hairan kerana mereka didatangi seorang rasul dari kalangan mereka yang memberi amaran, dan berkatalah orang-orang kafir: Orang ini adalah seorang ahli sihir yang banyak berdusta."(4)

Mereka berkata begitu kerana merasa mustahil Allah menurunkan wahyu kepada seorang lelaki dari kalangan mereka, juga dengan tujuan meliarkan orang ramai dari Nabi Muhammad s.a.w. dan menimbulkan fitnah terhadap kebenaran percakapannya dan kejujuran peribadinya yang terkenal itu.

Sebenarnya pembesar-pembesar Quraysy itu sendiri tidak pernah percaya walau sesaat pun ketika mereka menuduh Nabi Muhammad s.a.w. yang sangat dikenali mereka itu sebagai ahli sihir dan pendusta, malah tuduhan itu semata-mata digunakan mereka sebagai senjata untuk menimbulkan fitnah dan kekeliruan atau sebagai senjata perang tipudaya untuk mempertahankan diri mereka dan kedudukan mereka dari bahaya kebenaran 'aqidah Islam yang menggongangkan nilai-nilai palsu dan peraturan-peraturan yang karut yang menjadi sandaran-sandaran para pembesar itu.

Sebelum ini kami telah pun menceritakan peristiwa persetujuan yang telah dicapai oleh pembesar-pembesar Quraysy untuk digunakan dalam perang propaganda menentang Nabi Muhammad s.a.w. dan agama yang benar yang dibawa beliau dengan tujuan untuk melindungi diri dan kedudukan mereka di kalangan orang ramai Makkah, juga untuk menghalangkan qafilah-qafilah yang berkunjung ke Makkah di musim Haji dari agama yang baru dan dari penda'wahnya Rasulullah s.a.w. Di sini sekali lagi kami ceritakan peristiwa itu.

Ujar Ibn 'Ishaq: Sekumpulan orang-orang Quraysy telah berkumpul pada al-Walid ibn al-Mughirah sebagai seorang tua di kalangan mereka. Waktu itu musim keramaian Haji telah pun tiba lalu dia berkata kepada mereka: "Wahai orang-orang Quraysy! Musim keramaian telah pun tiba dan rombongan-rombongan orang-orang Arab akan datang kepada kamu dan tentulah mereka telah mendengar cerita kawan kamu ini (Muhammad). Oleh itu hendaklah kamu mengeluarkan satu pendapat sahaja mengenainya, janganlah kamu mengeluarkan pendapat yang berlainan hingga menyebabkan kamu mendustakan satu sama lain dan membantah perkataan kamu sesama sendiri." Mereka pun berkata: "Wahai Abu Abdu Syams! Tolong katakan dan berikan kami satu pendapat supaya kami dapat katakannya." Lalu dijawabnya: "Bahkan kamulah yang patut mengeluarkan pendapat-pendapat kamu dan biarkan aku mendengarnya". Jawab mereka: "Kita katakan dia itu kahin". Jawabnya: "Tidak, demi Allah dia

bukan kahin, kerana kita semua telah melihat kahin-kahin, tetapi dia tidak mengeluarkan jampi mentera kahin dan madah-madah yang bersajak-sajak seperti madah kahin". Mereka berkata lagi: "Kita katakan dia itu gila". Jawabnya: "Dia bukannya gila kerana kita semua melihat dan mengetahui siapa orang gila. Dia tidak pernah menunjukkan sifat-sifat meradang, memberang, mengarut dan was-was seperti yang ditunjukkan oleh orang gila". Mereka berkata pula: "Baiklah kita katakan dia itu penyair". Jawabnya "Tidak, dia bukan seorang penyair. Kita semua tahu segala ragam syair, tetapi perkataan-perkataannya bukan perkataan-perkataan syair." Mereka berkata lagi: "Kita katakan dia ahli sihir". Jawabnya: "Tidak, dia juga bukan ahli sihir kerana kita pernah tengok ahli-ahli sihir dan jenis-jenis sihir yang ditunjukkan mereka. Dia tidak menghembus dan tidak menyimpul-syimpulkan tali-tali ikatan seperti mereka". Kata mereka: "Jadi, apa yang patut kita katakan, wahai Abu Abdu Syams?" Jawabnya: "Perkataan-perkataannya sungguh manis, ibarat pokok batangnya bercabang-cabang rimbun dan dahan-dahannya berbuah lebat. Apa sahaja tuduhan-tuduhan seperti ini yang kamu katakan kepadanya, maka semuanya akan diketahui orang sebagai tuduhan-tuduhan yang tidak betul belaka. Pendapat yang lebih hampir tepat dengannya ialah dia ahli sihir, kerana dia mengeluarkan perkataan-perkataan yang boleh memecahbelahkan di antara anak dan bapa, di antara seseorang dengan saudaranya, di antara suami dengan isterinya dan di antara seseorang dengan keluarganya." Mereka pun bersurai setelah bersetuju dengan pendapat ini. Lalu mereka duduk menunggu di jalan-jalan yang dilalui orang ramai ketika mereka datang berkunjung di musim keramaian itu. Tiada seorang yang lalu menemui mereka di situ melainkan mereka memperingatkannya supaya berwaspada terhadap Muhammad dan mereka menceritakan hainya kepada setiap orang yang datang itu.

Demikianlah cerita pembesar-pembesar Quraysy dengan perkataan-perkataan mereka menuduh Rasulullah s.a.w. sebagai ahli sihir dan pendusta. Mereka tahu bahawa apa yang dikatakan mereka adalah bohong belaka. Mereka benar-benar tahu bahawa Rasulullah s.a.w. bukannya ahli sihir dan bukan pula seorang pembohong.

Mereka juga hairan kerana beliau menyeru mereka menyembah Allah Yang Maha Esa, sedangkan seruan inilah yang paling benar dan paling wajar disebut:

أَجَعَلَ الْأَلَهَةَ إِلَهًا وَاحِدًا إِنَّ هَذَا الشَّيْءُ عَجَابٌ
وَإِنْطَلَقَ الْمَلَائِكَةُ مِنْهُمْ أَنَّ أَمْشِوْأَوْ أَصْبِرْ وَأَعْلَمَ الْفَتَكَرْ
إِنَّ هَذَا الشَّيْءُ يُرَادٌ
مَا سِئَلَنَا بِهَذَا فِي الْمُلَوَّةِ الْآخِرَةِ إِنَّ هَذَا إِلَّا أَخْتِلَقُ

"Apakah patut dia hendak menjadikan tuhan-tuhan yang banyak itu hanya satu Tuhan sahaja? Sesungguhnya ini adalah satu perkara yang amat menghairankan (5). Lalu keluarlah pemimpin-pemimpin dari mereka (seraya berkata): Jalani terus agama kamu dan bersabarlah menyembah tuhan-tuhan kamu, kerana (da'wah tauhid) ini adalah suatu perkara yang dikehendaki (di sebaliknya satu tujuan yang lain) (6). Kami tidak pernah mendengar (da'wah tauhid) ini di dalam agama yang terakhir (Kristian). Ini tiada lain melainkan hanya suatu pembohongan semata-mata."(7)

Al-Qur'an menggambarkan kehairanan mereka terhadap hakikat semulajadi yang amat mudah itu:

أَجْعَلَ الْأَلْهَةَ إِلَهًا وَاحِدًا

"Apakah patut dia hendak menjadikan tuhan-tuhan yang banyak itu hanya satu Tuhan sahaja?"(5)

Seolah-olah perkara ini tidak dapat dimengerti.

إِنَّ هَذَا الشَّيْءُ عَجَابٌ

"Sesungguhnya ini satu perkara yang amat menghairankan."(5)

Kata-kata "عَجَابٌ" itu sendiri menyarankan kehairanan mereka yang sungguh besar.

Begitu juga Al-Qur'an menggambarkan cara mereka menentang hakikat ini supaya tidak diterima oleh orang ramai dan mengajak mereka supaya tetap berpegang dengan kepercayaan mereka yang diwarisi turun-temurun itu. Mereka cuba memahamkan orang ramai bahawa di sebalik da'wah yang baru itu terdapat tujuan yang tidak baik, dan sebagai para pem-besar mereka cukup mengetahui hakikat-hakikat yang sebenar dan segala tujuan yang tersembunyi di sebalik da'wah ini.

وَأَنْطَلَقَ الْمَلَائِكَةُ أَنَّ أَمْسِوَأَصْبِرُ وَأَعْنَى الْهَتَّاكُ

إِنَّ هَذَا الشَّيْءُ يُرَادٌ ①

"Lalu keluarlah pemimpin-pemimpin dari mereka (seraya berkata): Jalani terus agama kamu dan bersabarlah menyembah tuhan-tuhan kamu, kerana (da'wah tauhid) ini adalah suatu perkara yang dikehendaki (di sebaliknya satu tujuan yang lain)." (6)

Da'wah Tauhid Dituduh Sebagai Ada Udang Di Sebalik Batu

Yakni ia bukannya agama dan bukannya 'aqidah, malah di sana ada satu tujuan dan perkara lain di sebalik da'wah ini, iaitu satu perkara yang sepatutnya bagi orang ramai menyerahkannya kepada cerdik pandai yang mengetahui dan bijak memahami rahsia-rahsia yang tersembunyi dan mengerti tentang gerakan-gerakan tipu muslihat. Bagi orang ramai, mereka seharusnya berpegang kukuh dengan adat turun-temurun dan menyembah tuhan-tuhan mereka yang biasa. Mereka tidak seharusnya menyusahkan diri mereka memikirkan apa yang ada di sebalik gerakan da'wah yang baru itu, kerana di sana ada golongan cerdik pandai yang sanggup menentangnya. Oleh sebab itu orang ramai hendaklah bertenang, kerana para pembesar mereka

sentiasa menjaga kepentingan-kepentingan, 'aqidah-'aqidah dan tuhan-tuhan mereka.

Itulah cara biasa yang berulang-ulang, yang biasa digunakan oleh pembesar-pembesar yang zalim untuk mengalihkan perhatian orang ramai dari memikirkan masalah-masalah umum, dari mencari hakikat dan dari memikirkan persoalan-persoalan penting yang dihadapi mereka, kerana usaha orang ramai mengenalkan hakikat-hakikat dengan sendiri akan mendatangkan bahaya kepada para pembesar yang zalim dan akan mendedahkan kebatilan-kebatilan dan kepalsuan-kepalsuan, di mana mereka tenggelamkan orang ramai di dalamnya, sedangkan mereka tidak boleh hidup melainkan dengan menenggelamkan orang ramai ke dalam kebatilan-kebatilan.

Kemudian mereka mengelirukan orang ramai dengan 'aqidah Ahlil-Kitab yang telah dimasuki dongeng-dongeng yang menyelewengkannya dari tauhid yang bersih:

مَا سَمِعْنَا بِهَذَا فِي الْمِلَّةِ الْأُخْرَةِ إِنَّ هَذَا إِلَّا أَحْتَلَقٌ ⑦

"Kami tidak pernah mendengar (da'wah tauhid) ini di dalam agama yang terakhir (Kristian). Ini tiada lain melainkan hanya suatu pembohongan semata-mata."(7)

'Aqidah tritunggal (trinity) telah tersebar luas di dalam agama Kristian. Begitu juga dongeng 'Uzayr tersebar luas di dalam agama Yahudi. 'Aqidah inilah yang dimaksudkan oleh pembesar-pembesar Quraysy apabila mereka berkata:

مَا سَمِعْنَا بِهَذَا فِي الْمِلَّةِ الْأُخْرَةِ إِنَّ هَذَا إِلَّا أَحْتَلَقٌ ⑦

"Kami tidak pernah mendengar (da'wah tauhid) ini di dalam agama yang terakhir (Kristian). Ini tiada lain melainkan hanya suatu pembohongan semata-mata."(7)

Yakni kami tidak pernah mendengar 'aqidah tauhid yang mutlak kepada Allah yang dibawa oleh Muhammad itu. Jadi apa yang dikatakannya itu hanya suatu pembohongan semata-mata.

'Aqidah Tauhid Merupakan Tiang Kehidupan Insan Yang Luhur

Islam berjuang keras untuk membersihkan 'aqidah tauhid dari segala dongeng, kepercayaan-kepercayaan karut dan penyelewengan-penyelewengan yang telah menodai 'aqidah-'aqidah sebelumnya. Islam berjuang sedemikian keras kerana 'aqidah tauhid merupakan hakikat utama yang agung dan di atasnya lah tegaknya seluruh alam al-wujud ini. 'Aqidah tauhid telah disaksikan dengan jelas dan tegas oleh seluruh alam buana, juga kerana 'aqidah tauhid merupakan tiang seri, di mana seluruh kehidupan umat manusia tidak akan menjadi baik melainkan apabila ia ditegakkan di atasnya.

Eloklah semasa kita memperkatakan, tentang penentangan kaum Quraysy terhadap 'aqidah tauhid itu dan kehairanan mereka terhadap 'aqidah yang menjadi tuhan-tuhan yang ramai itu hanya satu Tuhan sahaja, juga penentangan kaum Musyrikin sebelum Quraysy yang berlaku di sepanjang abad dan risalah

terhadap 'aqidah tauhid yang sama dan bagaimana setiap rasul dan setiap risalah berjuang untuk menegakkannya, dan bagaimana besarnya usaha dan tenaga yang dikorbankan untuk menanamkan hakikat tauhid di dalam jiwa manusia di sepanjang zaman.... eloeklah kita jelaskan dengan agak lebih luas sedikit tentang nilai hakikat tauhid ini.

Hakikat tauhid merupakan hakikat utama yang agung dan di atasnya lagi tegaknya seluruh alam al-wujud. Ia disaksikan oleh setiap makhluk di alam al-wujud.

Kesatuan Undang-undang Membayangkan Kesatuan Iradat

Kesatuan atau keesaan undang-undang alam yang berkuatkuasa di seluruh alam buana ini dan dapat dilihat dengan jelas itu adalah membuktikan bahawa iradat yang menciptakan undang-undang itu pasti hanya satu iradat sahaja. Di mana sahaja kita melihat alam buana kita akan bersua dengan hakikat ini, iaitu hakikat keesaan dan kesatuan undang-undang yang membayangkan kesatuan iradat.

Seluruh makhluk di alam buana ini sentiasa bergerak dengan teratur. Atom yang amat kecil yang merupakan kesatuan pertama bagi setiap kejadian yang wujud di alam buana ini sama ada yang bernyawa atau tidak bernyawa adalah juga bergerak dengan teratur dan berterusan. Atom itu tersusun dari elektron-elektron yang bergerak di sekeliling nukleus yang terdiri dari proton-proton sama seperti planet-planet beredar di sekeliling matahari di dalam keluarga matahari (solar system), juga sama seperti galaksi yang terdiri dari kumpulan-kumpulan matahari dan kumpulan nebula beredar di sekeliling dirinya sendiri. Peredaran planet-planet, matahari dan galaksi adalah menuju arah-arah yang satu iaitu dari Barat ke Timur iaitu kebalikan dari peredaran jarum jam.¹

Kesatuan Benda Dan Kuasa

Unsur-unsur (elemen) yang terjadi darinya bumi dan segala planet-planet yang lain adalah juga sama atau satu. Unsur-unsur bintang-bintang juga sama dengan unsur-unsur bumi. Unsur-unsur itu tersusun dari atom-atom dan atom-atom tersusun dari elektron-elektron, proton-proton dan neutron-neutron. Semuanya tidak terkecuali adalah tersusun dari tiga unsur ini belaka.

"Ketika benda dikembalikan kepada asal tiga unsur, maka ahli sains telah mengembalikan semua 'kuasa-kuasa' kepada satu asal sahaja: cahaya, haba, sinar sine, sinar radio, sinar gamma dan seluruh sinar yang lain di dunia hanya merupakan gambaran-gambaran yang berlainan dari satu kuasa sahaja iaitu kuasa elektromagnetik. Semuanya

berjalan dengan kecepatan yang sama dan yang berbeza hanya perbezaan gelombang sahaja.


Benda tersusun dari tiga unsur, sedangkan kuasa-kuasa merupakan gelombang-gelombang yang kuat.

Kemudian datang pula Einstein yang membawa teori nisbiyah (relativity) yang menyamakan di antara benda dan kuasa. Kata beliau: Benda dan kuasa-kuasa adalah suatu yang sama sahaja. Hasil ujian-ujian telah membenarkan dakwaannya. Kemudian muncul pula ujian terakhir yang membenarkan dakwaannya dengan bunyi ledakan yang amat kuat yang didengar oleh dunia iaitu ledakan bom atom.

Jadi benda dan kuasa-kuasa adalah suatu yang sama sahaja."²

Inilah kesatuan dan keesaan dalam struktur kejadian alam buana sebagaimana diketahui oleh manusia di zaman kebelakangan ini melalui ujian-ujian mereka.

Di sana juga terdapat kesatuan dan keesaan di dalam undang-undang ini sebagaimana telah diterangkan ketika menjelaskan undang-undang pergerakan yang berterusan. Pergerakan ini merupakan satu pergerakan yang teratur rapi. Tiada satu kejadian pun yang terkeluar dari undang-undang ini. Tiada satu pun yang kacau pergerakannya. Pergerakan itu berlangsung dengan penuh seimbang pada semua kejadian. Ia tidak mengganggu dan melanggar satu sama lain. Contohnya yang paling dekat ialah pergerakan planet-planet, bintang-bintang dan galaksi-galaksi yang besar yang terapung-apung di angkasa raya:



"Tiap-tiap satunya terapung-apung beredar di tempat peredaran masing-masing."

(Surah Yaasin: 40)

Semuanya menyaksikan bahawa kuasa yang menjalankannya di angkasa raya dan mengaturkan pergerakannya, jauh dekatnya dan tempat kedudukannya masing-masing hanya satu kuasa yang tunggal sahaja iaitu kuasa yang mengetahui tabi'at dan pergerakannya. Itulah satu-satunya kuasa yang menentukan semuanya di dalam pelan penciptaan alam buana yang amat mena'jubkan ini.

Dengan keterangan yang seringkas ini cukuplah bagi kita untuk memahami keesaan dan kesatuan yang dibuktikan oleh peraturan dan seluruh kejadian di alam buana ini.

Inilah hakikat, di mana seluruh kehidupan manusia tidak akan berjalan dengan betul melainkan ditegakkan di atasnya. Apabila hakikat ini tertanam dengan jelas di dalam hati manusia, maka ia akan

¹ Dari buku *مع الله في السماء* oleh Dr. Ahmad Zaki, bekas pengarah Universiti al-Qaherah.

² Dari sumber yang sama. Lihat nota kaki sebelum ini.

melahirkan kesan yang amat penting dalam kefahaman manusia terhadap alam buana di sekeliling mereka, terhadap kedudukan mereka di alam ini dan terhadap hubungan mereka dengan segala isi alam sama ada berupa benda atau hidup-hidupan. Kemudian kefahaman manusia terhadap Allah Yang Tunggal dan terhadap hubungan mereka dengan-Nya dan dengan yang lain dari-Nya di alam buana ini adalah amat penting dalam menyelaraskan perasaan dan kefahaman mereka terhadap seluruh urusan hidup.

Orang yang beriman kepada Allah Yang Maha Esa dan memahami konsep tauhid dapat menyesuaikan hubungannya dengan Allah di atas asas ini. Dia dapat meletakkan hubungannya dengan yang lain dari Allah pada tempatnya yang wajar tanpa melampaunya. Dengan hubungan yang sedemikian, tenaga dan perasaannya tidak berbelah bagi di antara tuhan-tuhan yang mempunyai berbagai-bagai kecenderungan dan di antara makhluk-makhluk Allah yang menguasainya.

Orang yang beriman bahawa Allah Yang Maha Esa itu sebagai sumber alam buana ini akan berinteraksi dengan alam buana dan segala isi dan penghuninya di atas dasar saling mengenal, saling membantu, bermesra dan berkasih sayang. Ini menjadikan hidup mereka mempunyai rasa dan bentuk yang berlainan dari apa yang dirasakan oleh orang yang tidak beriman dengan konsep keesaan ini dan tidak merasakannya dalam hubungan di antaranya dengan segala apa dan mereka yang ada di sekelilingnya.

Orang yang beriman kepada keesaan undang-undang Ilahi di alam buana akan menerima syari'at dan arahan-arahan Allah dengan patuh untuk menyelaras dan menyesuaikan di antara undang-undang yang mengendalikan kehidupan manusia dengan undang-undang yang mengendalikan perjalanan alam buana. Dia mengutamakan undang-undang Allah kerana Allahlah yang menyelaraskan di antara pergerakan manusia dengan pergerakan alam buana.

Pendeknya memahami hakikat tauhid merupakan suatu keperluan untuk kebaikan dan kejujuran hati manusia, juga untuk menerangkan pandangannya dan membolehkannya mengadakan hubungan yang damai dengan alam buana sekelilingnya, juga untuk membolehkan hati menyelaraskan pergerakannya dengan pergerakan alam buana seluruhnya, juga untuk melahirkan hubungan-hubungan yang jelas dan terang di antara hati seseorang dengan Allah Penciptanya, di antara dia dengan alam di sekelilingnya dan di antara dia dengan isi dan penghuni alam sama ada makhluk benda atau makhluk yang bernyawa. Semuanya mempunyai kesan-kesan akhlak, kesan-kesan perilaku, kesan-

kesan sosial dan kesan-kesan insaniyah dalam setiap bidang kehidupan.³

Justeru inilah lahirnya usaha yang bersungguh-sungguh untuk menjelaskan 'aqidah tauhid. Usaha itu bersambung-sambung dan berulang-ulang bersama-sama setiap risalah dan setiap rasul. Para rasul Salawatullahi 'alaihim semua berjuang dengan gigih untuk menegakkan kalimat tauhid tanpa mengenal rehat.

Usaha yang bersungguh-sungguh dan gigih ini kelihatan begitu jelas di dalam Al-Qur'an, di mana persoalan tauhid dijelaskan berulang-ulang kali di dalam Surah-surah Makkiyah khususnya, juga di dalam Surah-Surah Madaniyah yang dijelaskan dengan gambaran-gambaran yang sesuai dengan maudhu'-maudhu' yang dibicarakan surah-surah ini.

Hakikat tauhid inilah yang dihairrankan oleh kaum Musyrikin. Mereka hairan terhadap kegigihan Rasulullah s.a.w. memperjuangkannya. Mereka berdebat dan berlawan dengan beliau mengenai persoalan ini. Mereka menimbulkan rasa pelik dan aneh terhadap beliau dan 'aqidah tauhid dan berusaha memalingkan perhatian orang ramai darinya dengan menggunakan berbagai-bagai sarana.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 16)

Mereka melahirkan rasa hairan kerana Rasulullah s.a.w. dipilih menjadi Rasul:

أَنْزَلَ عَلَيْهِ الْذِكْرُ مِنْ بَيْنَ أَنْجَانِهِ

"Apakah patut Al-Qur'an itu diturunkan kepadanya (Muhammad) di antara kami semua?"(8)

Sebenarnya pemilihan ini tidak wajar dihairrankan, malah itulah sikap hasad dengki yang membawa mereka kepada kedegilan, keangkuhan dan persengketaan.

Hasad Dengki Keturunan Menjadi Punca Pertikaian

Ujar Ibn 'Ishaq: Aku telah diceritakan oleh Muhammad ibn Muslim ibn Syihab az-Zuhri, dia menceritakan bahawa Abu Sufyan ibn Harb, Abu Jahl ibn Hisyam al-Akhnas ibn Syuryq ibn 'Amr ibn Wahb ath-Thaqafi sekutu Bani Zuhrah telah keluar pada suatu malam untuk mendengar sesuatu dari Rasulullah s.a.w. yang sedang mengerjakan sembahyang malam di rumahnya. Setiap orang dari mereka memilih tempat duduk untuk mendengar, tetapi mereka masing-masing tidak tahu di mana tempat duduk rakannya. Lalu mereka bermalam di situ untuk mendengar sehingga apabila fajar menyingsing mereka pun bersurai dan bertemu di

³ Saya harap semoga ditaufiqkan Allah dapat menjelaskan persoalan ini semuanya dalam sebuah buku: "Gagasan Islam Terhadap Alam, Hayat dan Insan" (فكرة الإسلام عن الكون والحياة والإنسان).

tengah jalan. Di sana mereka mencela satu sama lain. Mereka berkata sesama mereka: "Jangan datang lagi ke sini, kerana jika ada orang-orang yang bodoh melihat kamu tentulah kamu akan menimbulkan keraguan di dalam hati mereka". Kemudian mereka bersurai. Pada malam yang kedua setiap orang dari mereka datang lagi mengambil tempat masing-masing dan terus bermalam di situ untuk mendengar beliau dan apabila fajar menyingsing mereka bersurai dan bertemu pula di tengah jalan. Mereka berkata sesama mereka seperti apa yang dikatakan mereka pada malam pertama, kemudian bersurai. Pada malam yang ketiga setiap orang dari mereka datang pula mengambil tempat masing-masing dan bermalam di situ untuk mendengar beliau. Apabila fajar menyingsing mereka pun bersurai dan bertemu di tengah jalan. Mereka berkata sesama mereka: "Kita tidak boleh tinggalkan tempat ini sehingga kita berjanji bahawa kita tidak akan kembali lagi ke sini". Lalu mereka pun berjanji bahawa mereka tidak akan datang lagi, kemudian mereka bersurai. Pada pagi keesokan al-Akhnas ibn Syurayq mengambil tongkatnya lalu keluar menemui Abu Sufyan di rumahnya dan berkata: "Wahai Abu Hanzalah! Apa pendapat anda tentang apa yang anda dengar dari Muhammad itu"? Jawab Abu Sufyan: "Wahai Thalabah! Demi Allah, aku telah mendengar banyak perkara yang aku tahu dan aku mengetahui pula apakah tujuannya, begitu juga aku telah mendengar banyak perkara yang aku tidak tahu dan tidak tahu pula apakah maksudnya". Ujar al-Akhnas: "Aku juga begitu, demi Allah aku bersumpah". Kata (rawi): Kemudian al-Akhnas keluar untuk menemui Abu Jahl di rumahnya, lalu dia berkata: "Wahai Abu al-Hakam! Apa pendapat anda tentang apa yang anda telah dengar dari Muhammad itu?" Jawab Abu Jahl: "Apakah yang aku dengar? Kita dan Bani Abdu Manaf ini telah bertelingkah untuk merebut kemuliaan, jika mereka menjamu orang kita turut menjamu. Jika mereka menolong membawa orang kita ikut menolong membawa orang, jika mereka memberi kita pun memberi sehingga apabila kita berlumba-lumba dengan mereka di atas kenderaan dan kita seperti penunggang-penunggang kuda lumba, tiba-tiba mereka berkata kepada kita: 'Dari kalangan kami lahir seorang Nabi yang menerima wahyu dari langit', maka bilakah pula kita akan mendapat ini? Demi Allah kita tidak akan beriman dan percaya kepadanya buat selama-lamanya". Kemudian al-Akhnas pun bangkit dan pulang meninggalkan Abu Jahl.

Sebagaimana kita dapat lihat hasad dengki itulah yang telah menghalangi Abu Jahl dari mengakui kebenaran, iaitu hasad dengki kerana Muhammad telah mencapai darjat yang tidak dapat dicapai olehnya. Itulah rahsia yang terkandung di dalam perkataan:

أَنْزَلَ عَلَيْهِ الْذِكْرُ مِنْ بَيْنِنَا

"Apakah patut Al-Qur'an itu diturunkan kepadanya (Muhammad) di antara kami semua?"(8)

Mereka juga pernah berkata:

وَقَالُوا لَوْلَا نُزِّلَ هَذَا الْقُرْآنُ عَلَى رَجُلٍ مِّنَ الْقَرِيبَيْنَ

عَظِيمٌ

"Dan mereka berkata: Sepatutnya Al-Qur'an ini diturunkan kepada seorang pembesar dari salah satu dari dua negeri ini."

(Surah az-Zukhruf: 31)

Mereka maksudkan dengan dua negeri itu ialah Makkah dan Taif kerana di sinilah hidupnya pembesar-pembesar dan ketua-ketua kaum Musyrikin yang memerintah dan berkuasa. Mereka bercita-cita untuk menjadi ketua melalui agama apabila mereka mendengar ada Nabi baru yang sudah sampai masa kebangkitannya. Tiba-tiba mereka telah dikejutkan oleh hasad dengki apabila Allah telah memilih Muhammad s.a.w. sebagai Rasul-Nya dan membuka pintu-pintu rahmat kepadanya serta mencurahkan dari perbendaharaan-perbendaharaan rahmat-Nya ni'mat yang layak dengan beliau dan tidak layak dengan manusia-manusia yang lain. Keadaan mereka yang tertanya-tanya itu dijawab dengan jawapan yang berbau ejekan, amaran dan ancaman:

بَلْ هُوَ فِي شَكٍّ مِّنْ ذِكْرِي بَلْ لَمَّا يَذَّوَّلُ وَقُوَّاتُهُ عَذَابٌ

"Sebenarnya mereka berada di dalam keraguan terhadap kitab suci-Ku, sebenarnya mereka belum lagi merasa 'azab-Ku."(8)

Mereka bertanya:

أَنْزَلَ عَلَيْهِ الْذِكْرُ مِنْ بَيْنِنَا

"Apakah patut Al-Qur'an itu diturunkan kepadanya (Muhammad) di antara kami semua"(8)

Sedangkan mereka ragu-ragu terhadap Al-Qur'an itu sendiri. Mereka tidak yakin Al-Qur'an itu dari Allah. Mereka mempertikaikan kebenarannya, sedangkan Al-Qur'an itu mengatasi perkataan-perkataan manusia biasa sepanjang yang diketahui mereka. Kemudian Al-Qur'an mengalihkan pembicarannya tentang perkataan dan keraguan mereka kepada mengancamkan mereka dengan 'azab:

بَلْ لَمَّا يَذَّوَّلُ وَقُوَّاتُهُ عَذَابٌ

"Sebenarnya mereka belum lagi merasa 'azab-Ku."(8)

Yakni Al-Qur'an seolah-olah berkata: Mereka mengeluarkan perkataan yang seperti itu kerana mereka belum lagi merasa 'azab seksa, tetapi apabila mereka merasa 'azab itu, mereka tidak akan mengeluarkan perkataan itu kerana pada masa itu mereka akan mengetahui akibatnya.

Kemudian Al-Qur'an mengecam perbuatan mereka yang merasa terlalu banyak apabila Allah memilih Muhammad sebagai Rasul di antara mereka dengan menyatakan mereka: Apakah mereka yang memiliki khazanah-khazanah rahmat Allah hingga mereka berkuasa menentukan siapakah yang patut dan tidak patut menerima rahmat itu.

أَمْ عِنْدُهُمْ حَرَازٌ إِنْ رَحْمَةً رِّبِّكَ الْعَزِيزُ أَوْ هَابٌ ﴿٩﴾

"Apakah mereka mempunyai khazanah-khazanah rahmat Tuhanmu Yang Maha Perkasa dan Maha Pengurnia?"(9)

**Perbuatan Mempertikaikan Perlantikan Rasul
Mencampuri Urusan Pentadbiran Allah**

Al-Qur'an mengecam kebiadapan mereka terhadap Allah dan mengecam campur tangan mereka dalam urusan yang bukan urusan manusia, sedangkan Allah itu bebas mengurnia dan menahan kurnia-Nya terhadap siapa sahaja yang dikehendaki-Nya, Allah Maha Perkasa dan Maha Berkuasa. Tiada siapa yang berkuasa menghalangkan kehendak iradat-Nya. Allah Maha Pengurnia dan Maha Pemurah dan limpah kurnia-Nya tidak pernah habis.

Mereka merasa terlalu banyak apabila Muhammad s.a.w. itu dipilih Allah menjadi Rasul. Dengan hak dan sifat apakah mereka hendak membahagi-bahagikan limpah kurnia Allah, sedangkan mereka tidak memiliki khazanah-khazanah rahmat Allah?

أَرَلَهُمْ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا

"Atau apakah mereka memiliki kerajaan langit, bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya."(10)

Mereka tidak berani membuat dakwaan ini, kerana Allah yang memiliki langit, bumi dan segala yang ada di antara keduanya itulah sahaja yang berhak memberi dan tidak memberi. Dialah yang berhak memilih siapa yang dikehendaki-Nya. Andainya mereka tidak memiliki kerajaan langit, bumi dan segala yang ada di antara keduanya mengapa mereka berani campur tangan dalam urusan Allah yang memiliki segala-galanya dan bebas berbuat apa sahaja yang dikehendaki-Nya terhadap segala sesuatu yang dimiliki-Nya.

Secara mengejek dan mengecam Al-Qur'an iringi pertanyaan itu dengan:

فَلَمَرْتَقُوا فِي الْأَسْبَكِ ﴿١٠﴾

"(Jika ada), maka hendaklah mereka naik melalui jalan-jalan (ke langit)." (10)

Sekiranya mereka memiliki kerajaan langit dan bumi, maka silalah mereka naik menyeliakan langit, bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya, juga menguasai perbendaharaan-perbendaharaan Allah iaitu memberi kepada sesiapa yang mereka kehendaki dan menahan terhadap siapa yang mereka tidak kehendaki sesuai dengan kehendak bangkangan mereka terhadap pemilihan Allah yang memiliki kerajaan langit dan bumi serta

bebas berbuat apa sahaja yang dikehendaki-Nya terhadap apa yang dimiliki-Nya.

Kemudian andaian yang mengejek itu diakhiri dengan menjelaskan hakikat mereka yang sebenar:

جُنُدُّ مَا هُنَالِكَ مَهْزُومٌ مِّنَ الْأَخْزَابِ ﴿١١﴾

"Mereka hanya sepasukan tentera kerdil yang kalah di sana yang terdiri dari berbagai-bagi kumpulan."(11)

Mereka tidak lebih dari sepasukan tentera kalah yang terbuang jauh "di sana". Mereka tidak dapat mendekati untuk mengendalikan kerajaan langit dan bumi dan mentadbirkan perbendaharaan-perbendaharaan rahmat. Mereka tidak mempunyai apa-apa hubungan dalam urusan-urusan yang berlaku di dalam kerajaan Allah. Mereka tidak mempunyai kuasa untuk mengubah dan membantah kehendak iradat Allah. Mereka hanya **جُنُدُّ مَا هُنَالِكَ مَهْزُومٌ** "Sepasukan tentera kerdil yang kalah" iaitu sepasukan tentera kalah yang tidak dikenali dan hina. Sifat kalah itu seolah-olah sifat yang melekat pada diri mereka. Mereka adalah terdiri **مِنَ الْأَخْزَابِ** "Berbagai-bagi kumpulan" yang berlainan arah tujuan dan keinginan.

Perjuangan musuh-musuh Allah dan Rasul-Nya itu hanya berakhir dengan kedudukan yang digambarkan oleh ayat ini, iaitu gambaran yang membayangkan kelemahan mereka dan bagaimana jauhnya mereka terpisah dari ruang lingkup pengendalian dan pentadbiran Ilahi walau bagaimana besar kekuatan dan kekuasaan mereka dan walau bagaimana sewenang-wenangnya mereka bertindak di bumi dalam masa-masa yang tertentu.

Kemudian Allah mengemukakan contoh umat-umat yang zalim di sepanjang zaman. Mereka telah menerima akibat menjadi pasukan-pasukan tentera yang kalah dan terbuang jauh:

كَذَّبُوكُلَّهُمْ قَوْمٌ نُوحٌ وَّعَادٌ وَّفَرْعَوْنُ ذُو الْأَوْتَادِ ﴿١٢﴾
وَثَمُودٌ وَّقَوْمُ لُوطٍ وَّاصْحَابُ لَعْيَكَةٍ أُولَئِكَ أَلْأَخْزَابُ ﴿١٣﴾

إِنَّ كُلَّ الْأَكْذَبِ إِلَّا كَذَبَ الرَّسُولُ فَحَقَّ عِقَابُ ﴿١٤﴾

"Sebelum mereka, kaum Nuh, 'Ad dan Fir'aun yang memiliki bangunan-bangunan Ahram laksana pasak-pasak bumi itu telah pun mendustakan (rasul-rasul mereka) (12). Juga Thamud, kaum Lut dan penduduk Aykah, mereka kalah kumpulan-kumpulan (penentang rasul) (13). Tiada satu pun dari kaum-kaum itu melainkan semuanya telah mendustakan para rasul dan kerana itu (mereka) telah ditimpah balasan 'azab."(14)

Itulah contoh umat-umat yang mendahului kaum Quraysy di dalam sejarah. Mereka ialah kaum Nuh, 'Ad, Fir'aun yang membina Ahram (Piramid) yang kukuh seolah-olah pasak bumi, Thamud, kaum Lut dan kaum Syu'ayb penduduk Aykah (hutan yang tebal). Semuanya merupakan kumpulan-kumpulan

yang mendustakan para rasul. Apakah akibat yang diterima oleh kumpulan-kumpulan yang pelampau dan sewenang-wenang ini?

إِنْ كُلُّ إِلَّا كَذَبَ الرُّسُلَ فَحَقٌّ عِقَابٌ ١٤

"Tiada satu pun dari kaum-kaum itu melainkan semuanya telah mendustakan para rasul dan kerana itu (mereka) telah ditimpa balasan 'azab." (14)

Itulah akibat yang menimpa mereka. Mereka semuanya binasa. Tiada yang tinggal melainkan kesan-kesan yang menunjukkan kekalahan dan kehancuran mereka.

Itulah kesudahan kumpulan-kumpulan penentang Rasul di zaman-zaman silam. Adapun kaum Musyrikin Qurasy, maka mereka secara umumnya akan ditinggalkan kepada pekikan yang akan mengakhiri kehidupan di bumi ini, iaitu pekikan yang akan berlaku tidak lama sebelum diadakan upacara Hisab:

وَمَا يَنْظُرُهُؤَلَاءِ الْأَصِحَّةَ وَاحِدَةً مَا لَهَا مِنْ فَوَاقٍ ١٥

"Dan tiada yang ditunggu mereka melainkan hanya satu pekikan yang kuat, yang tidak terlewat sedikit pun." (15)

Apabila masa pekikan itu tiba ia tidak akan lewat walaupun sebentar sekadar fawaq (sepelarian unta lumba), iaitu jarak perjalanan di antara dua tempat perlarian, kerana ia tiba tepat pada waktunya yang telah ditetapkan, tidak lebih awal dan tidak pula lewat. Itulah masa yang telah ditentukan Allah kepada umat manusia yang akhir supaya menunggunya. Mereka tidak terus dibalas dengan kebinasaan dan kehancuran seperti umat-umat yang terdahulu.

Inilah rahmat Allah terhadap mereka, tetapi mereka tidak menghargai rahmat ini dan tidak pula mensyukurinya, malah mereka mencabar dan meminta supaya balasan 'azab terhadap mereka itu disegerakan Allah dan disempurnakannya sebelum tiba masa yang dijanjikannya itu.

Sampai di sini Al-Qur'an meninggal mereka dan berpaling kepada Rasulullah s.a.w. untuk menghiburkan beliau dari ketololan dan kebiadapan kaumnya terhadap Allah, juga terhadap cabaran mereka yang meminta supaya disegerakan balasan 'azab terhadap mereka, juga terhadap perbuatan mereka yang mendustakan janji Allah dan kekufturan mereka terhadap rahmat Allah. Ia menyeru beliau supaya mengenangkan ujian-ujian yang berlaku kepada para rasul sebelumnya dan mengenangkan rahmat Allah yang dicapai oleh mereka selepas ujian itu.

(Kumpulan ayat-ayat 17 - 48)

أَصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَادْكُرْ عَبْدَنَا دَاؤْدَ ذَا الْأَيْدِيْدِ إِنَّهُوَ

أَوَّابٌ ١٧

إِنَّا سَخَّرْنَا الْجِبَالَ مَعَهُ وَلِسَيْحَنَ بِالْعَشِيِّ وَالْإِشْرَاقِ ١٨

وَالْطَّيْرَ مَحْشُورَةٌ كُلُّهُ أَوَّابٌ ١٩

وَسَدَّدْنَا مُلْكَهُ وَءَاتَيْنَاهُ الْحِكْمَةَ وَفَصَلَ الْخُطَابِ ٢٠

وَهَلْ أَتَنَكَ نَبَوْا الْخَصِيمِ إِذْ سَوَرُوا الْمِحْرَابَ ٢١

إِذْ دَخَلُوا عَلَىٰ دَاؤْدَ فَفَرَغَ مِنْهُمْ قَالُوا لَا تَخْفِ

خَصِيمَانِ بَغَىٰ بَعْضُنَا عَلَىٰ بَعْضٍ فَلَحِكمُ بَيْنَنَا بِالْحُقْ

وَلَا تُشْطِطُ وَأَهْدِنَا إِلَى سَوَاءِ الصِّرَاطِ ٢٢

إِنَّ هَذَا أَخِي لَهُ دِسْعٌ وَسَعْوَنَ تَجْهَهَ وَلَيْ تَجْهَهُ وَتَحْدَهُ

فَقَالَ أَكْفَلْنِيهَا وَعَزَّزَنِي فِي الْخُطَابِ ٢٣

قَالَ لَقَدْ ظَلَمَكَ سُؤَالٌ تَعْتَكَ إِلَى نِعَاجِهِ وَإِنَّ كَثِيرًا

مِنَ الْخَلَطَاءِ لِيَبْغِي بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ إِلَّا الَّذِينَ أَمْنَوْا

وَعَمِلُوا الصَّلِحَاتِ وَقَلِيلٌ مَا هُمْ وَظَنَّ دَاؤْدَ أَنَّمَا فَتَهَهَ

فَأَسْتَغْفِرَرَبَهُ وَحَرَرَ أَكَعَا وَأَنَابَ ٢٤

فَغَفَرَنَا لَهُ ذَلِكَ وَإِنَّ لَهُ عِنْدَنَا لِزَلْفَىٰ وَحُسْنَ

مَعَابٌ ٢٥

يَكْدَأُرُدٌ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَلَحِكمُ بَيْنَ

النَّاسِ بِالْحُقْ وَلَا تَتَبَعَ الْهَوَى فَيُضْلِلَكَ عَنْ سَبِيلِ

اللهِ إِنَّ الَّذِينَ يَضْلُلُونَ عَنْ سَبِيلِ اللهِ لَهُمْ عَذَابٌ

شَدِيدٌ بِمَا نَسُوا يَوْمَ الْحِسَابِ ٢٦

"(Wahai Muhammad!) Sabarlah terhadap apa sahaja yang dikatakan mereka dan kenangkan hamba Kami Daud yang mempunyai kekuatan-kekuatan, sesungguhnya dia seorang yang sentiasa kembali kepada Allah (17). Sesungguhnya Kami menundukkan gunung-ganang bertasbih bersama-sama di waktu petang dan pagi (18). Juga (menundukkan) burung-burung berkumpul bertasbih (bersamanya). Semuanya sentiasa kembali kepada Allah (19). Dan Kami telah meneguhkan kerajaannya dan mengurniakan kepada kebijaksanaan dan keputusan yang jitu (20). Dan apakah sampai kepadamu berita mereka yang bergum ketika mereka memanjat mihrab (21). Ketika mereka masuk mendapatkan Daud, ia terkejut melihat

mereka, lalu mereka berkata: Janganlah takut, kami ini adalah dua orang yang bergumam. Salah seorang dari kami telah melakukan kezaliman terhadap yang lain. Oleh itu adililah di antara kami dengan hukuman yang benar dan janganlah berlaku zalim dan tunjukkan kami ke jalan yang lurus (22). Sesungguhnya saudaraku ini mempunyai sembilan puluh sembilan ekor kambing betina, sedangkan aku hanya mempunyai seekor sahaja. Lalu dia berkata kepadaku: Serahkan sahaja kambing itu kepada milikku, dan dia berlaku kasar terhadapku di dalam percakapannya (23). Ujar Daud: Dia (saudaramu) itu telah menzalimimu dengan meminta kambingmu, dan sesungguhnya kebanyakan kaum kerabat yang mencampurkan harta sesama mereka bertindak zalim terhadap satu sama lain melainkan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih. Sedangkan mereka yang seperti itu hanya sedikit sahaja. Lalu Daud pun yakin bahawa Kami telah menduganya, maka kerana itu dia memohon keampunan kepada Tuhaninya dan merebahkan dirinya rukuk (dan sujud) dan kembali kepada Allah (24). Lalu Kami ampunkan kesalahannya yang demikian dan sesungguhnya dia mempunyai kedudukan yang hampir di sisi Kami serta tempat kembali yang terbaik (25). Wahai Daud! Sesungguhnya Kami telah melantikkan engkau sebagai khalifah di bumi. Oleh itu adililah di antara manusia dengan (hukuman) yang benar dan janganlah engkau menurut hawa nafsu kerana ini akan menyesatkan engkau dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan memperolehi 'azab yang amat berat kerana mereka lupakan hari Hisab." (26)

قَالَ رَبِّ أَغْفِرْ لِي وَهَبْ لِي مُلْكًا لَا يَنْبَغِي لِأَحَدٍ مِّنْ
بَعْدِي إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ ﴿٢٥﴾

فَسَخَّرَنَا اللَّهُ الرِّيحُ بِمَنْجَرِي بِأَمْرِهِ رُخَاءً حَيْثُ أَصَابَ ﴿٢٦﴾

"Dan Kami tidak ciptakan langit, bumi dan segala kejadian di antara keduanya sebagai suatu perkara mainan (sia-sia). Itulah sangkaan orang-orang yang kafir, maka kerana itu celakalah bagi orang-orang kafir dari 'azab Neraka (27). Atau apakah patut Kami jadikan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih itu sama seperti para perosak di bumi atau apakah patut Kami jadikan para Muttaqin itu sama seperti para penjahat? (28) (Al-Qur'an) sebuah kitab yang berkat yang Kami telah turunkannya kepadamu supaya mereka memikirkan ayat-ayatnya dan supaya orang-orang yang berakal mengambil pengajaran darinya (29). Dan Kami telah kurniakan kepada Daud (putera) Sulaiman. Dia adalah sebaik-baik hamba. Sesungguhnya dia seorang yang sentiasa kembali kepada Allah (30). (Kenangilah) ketika dipamerkan kepadanya pada suatu petang kuda-kuda yang cantik berdiri dan tangkas berlari. (31) Lalu dia berkata: Sesungguhnya aku amat menyayangi kuda-kuda menyebabkan terlupa dari mengingati Tuhanmu, sehingga matahari melindungi dirinya dengan tabir (malam) (32). (Dia memerintah orang-orangnya): Kembalikan kuda-kuda itu kepadaku. Lalu dia terus mengusap-ngusap kaki dan leher kuda-kuda itu (33). Sesungguhnya Kami telah ujian Sulaiman (dengan suatu kejadian), lalu kami letakkannya di atas takhtanya satu jasad (yang tidak cukup sifatnya) kemudian dia kembali kepada Allah (34). Dia berdo'a: Wahai Tuhanku! Ampunkan daku dan kurniakanlah kepadaku sebuah kerajaan yang tidak wajar dipunyai seorang yang lain selepasku. Sesungguhnya engkau lah Yang Maha Pemurah (35). Lalu Kami tundukkan angin kepadanya. Ia bertiup lembut dengan perintahnya ke mana sahaja dia kehendaki."(36)

وَالشَّيَاطِينَ كُلُّ بَنَاءٍ وَغَوَّاصٍ ﴿٣٧﴾

وَآخَرِينَ مُقْرَنِينَ فِي الْأَصْفَادِ ﴿٣٨﴾

هَذَا عَطَاقُنَا فَأَمْنٌ أَوْ أَمْسَكٌ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٣٩﴾

وَإِنَّ لَهُ وَعِنْدَنَا زَلْفَى وَحُسْنَ مَعَابٍ ﴿٤٠﴾

وَاذْكُرْ عَبْدَنَا أَيُوبَ إِذْ نَادَى رَبَّهُ وَأَنِّي مَسَنِي الشَّيْطَانُ
بِنُصُبٍ وَعَذَابٍ ﴿٤١﴾

أَرْكَضْ بِرْ جِلَكَ هَذَا مُعْتَسَلٌ بَارِدٌ وَشَرَابٌ ﴿٤٢﴾

وَهَبَنَا لَهُ أَهْلَهُ وَمِثْلَهُمْ مَعْهُمْ رَحْمَةً مِنَّا وَذِكْرَى لِأُولَى
الْأَلْبَابِ ﴿٤٣﴾

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاءَ وَالْأَرْضَ وَمَا يَنْهَمُ بَاطِلًا ذَلِكَ
ظَنُّ الَّذِينَ كَفَرُوا فَوْلُ لِلَّذِينَ كَفَرُوا مِنَ النَّارِ ﴿٢٧﴾
أَمْ نَجْعَلُ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ كَالْمُفْسِدِينَ فِي
الْأَرْضِ أَمْ نَجْعَلُ الْمُتَّقِينَ كَالْفُجَارِ ﴿٢٨﴾
كَتَبَ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَرَّكٌ لِيَدَرِرُوا إِلَيْكَهُ وَلِيَتَذَكَّرُ
أُولُوا الْأَلْبَابِ ﴿٢٩﴾
وَهَبَنَا لَهُ أَهْلَهُ سُلَيْمَانَ نَعَمَ الْعَبْدُ إِنَّهُ أَوَّابٌ ﴿٣٠﴾
إِذْ عَرِضَ عَلَيْهِ بِالْعَشَيِّ الْصَّافِتُ الْجِيَادُ ﴿٣١﴾
فَقَالَ إِنِّي أَحَبُّ حُبَّ الْخَيْرِ عَنْ ذِكْرِ رَبِّي حَتَّى تَوَارَتْ
بِالْحِجَابِ ﴿٣٢﴾
رُدُّوهَا عَلَىٰ فَطَفِقَ مَسْحًا بِالسُّوقِ وَالْأَعْنَاقِ ﴿٣٣﴾
وَلَقَدْ فَتَنَّا سُلَيْمَانَ وَالْقَيْنَانَ عَلَىٰ كُرْسِيِّهِ جَسَدًا
ثُمَّ أَنَابَ ﴿٣٤﴾

وَحْدَنْ يَمِدُكَ ضِغْتَأَ فَاضْرِبْ بِهِ وَلَا تَحْنَثْ إِنَّا وَجَدْ نَهُ
صَابِرًا لِعَمَّ الْعَبْدِ إِنَّهُ وَأَوَابٌ ﴿٤٦﴾

وَأَذْكُرْ عَبْدَنَا إِبْرَاهِيمَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ أُولَى الْأَئِدِي
وَالْأَبْصَرِ ﴿٤٧﴾

إِنَّا أَخْلَصْنَاهُمْ مِنَ الصَّةِ ذَكَرِ الدَّارِ ﴿٤٨﴾

وَإِنَّهُمْ عِنْدَنَا لِمَنْ مُصْطَفِينَ الْأَخْيَارِ ﴿٤٩﴾

وَأَذْكُرْ إِسْمَاعِيلَ وَالْيَسَعَ وَذَا الْكِفْلِ وَكُلُّ مِنْ

الْأَخْيَارِ ﴿٥٠﴾

"Dan (Kami tundukkan) syaitan-syaitan kepadanya iaitu syaitan-syaitan pembina bangunan dan penyelam (37). Dan syaitan-syaitan yang lain yang dirantai dengan belenggu-belenggu (38). (Kami katakan kepadanya): Inilah pemberian Kami, maka (engkau bebas) memberikannya (kepada siapa yang disukai engkau) atau menahankannya (dari siapa yang tidak disukai engkau) tanpa Hisab (39). Dan sesungguhnya dia mempunyai kedudukan yang hampir di sisi Kami dan tempat kembali yang terbaik (40). Dan kenangilah hamba Kami Ayyub ketika dia menyeru Tuhaninya: Sesungguhnya aku telah digangu syaitan dengan kesusahan dan keseksaan.(41) (Allah berfirman kepadanya) hentakkan (bumi) dengan kakimu, inilah air dingin untuk mandi dan minum (42). Dan Kami kurniakannya kembali keluarganya dengan bilangan sekali ganda lagi bersama mereka sebagai rahmat dari Kami dan peringatan kepada orang-orang yang berakal (43). Dan ambillah seberkas ranting-ranting halus, kemudian pukullah (isterimu) dengannya dan janganlah engkau melanggar sumpahmu. Sesungguhnya Kami dapatinya (Ayyub) seorang yang sabar. Dialah sebaik-baik hamba. Sesungguhnya dia seorang yang sentiasa kembali kepada Allah (44). Dan kenangilah hamba Kami Ibrahim, Ishaq dan Ya'kub yang mempunyai tangan-tangan dan matahati-matahati (45). Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada mereka satu sifat istimewa yang banyak mengingati Akhirat (46). Dan sesungguhnya kedudukan mereka di sisi Kami adalah dari orang-orang yang terpilih dan terbaik (47). Dan kenangilah Ismail, Ilyasa' dan Zulkifli, semua mereka adalah dari orang-orang yang terpilih."(48)

Pelajaran ini semuanya merupakan kisah-kisah dan contoh-contoh dari kehidupan para rasul Salawatuilahi a'laihim. Ia ditayang supaya diingati oleh Rasulullah s.a.w. dan supaya beliau melupakan pengalaman-pengalaman pahit yang sedang dialaminya dari kaumnya yang mendustakannya dan membuat berbagai-bagai tuduhan, menunjukkan kehairanan dan melakukan pembohongan terhadapnya, juga supaya beliau sabar menghadapi segala telatah-telatah mereka yang membosankannya.

Kisah-kisah itu sekali gus menunjukkan kesan-kesan rahmat Allah terhadap para rasul yang terdahulu daripada beliau. Mereka telah dicucuri dengan limpah kurnia yang banyak. Mereka dikurniakan kerajaan, kuasa memerintah, riayah dan berbagai-bagai ni'mat yang lain. Semuanya ini merupakan jawapan terhadap kehairanan kaumnya yang merasa aneh apabila Allah memilih beliau sebagai Rasul-Nya, sedangkan kerasulan beliau bukanlah suatu perkara baru di antara para rasul, malah di dalam kalangan mereka terdapat rasul-rasul yang dikurniakan ni'mat kerajaan dan kuasa memerintah di samping tugas menjadi Rasul. Ada pula rasul-rasul yang ditundukkan kepadanya gunung-ganang bertasbih bersama-sama dengannya, juga ditundukkan burung-burung, angin dan syaitan seperti Daud dan Sulaiman. Apakah yang patut dihairrankan apabila Allah memilih Muhammad yang sentiasa bercakap benar dari kalangan kaum Quraysy diakhir zaman sebagai Rasul untuk diturunkan Al-Qur'an kepadanya?

Kisah-kisah ini juga menggambarkan ri'ayah Allah yang berkekalan terhadap para rasul-Nya. Mereka sentiasa dipelihara dengan perintah, arahan dan disiplin dari Allah. Mereka semuanya manusia belaka dan Muhammad s.a.w. juga manusia seperti mereka. Semuanya mempunyai sifat-sifat kelemahan manusia, tetapi Allah memelihara mereka dan tidak membiarkan mereka kepada kelemahan-kelemahan mereka. Allah memberi penerangan dan arahan kepada mereka. Allah menguji mereka dengan tujuan untuk mengurniakan keampunan dan kemuliaan kepada mereka. Kisah-kisah seperti ini meyakinkan hati Rasulullah s.a.w. bahawa beliau sentiasa mendapat ri'ayah dan perlindungan Allah dalam setiap jejak langkah di dalam hidupnya.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 26)

Kesabaran Asas Kehidupan Para Rasul

أَصْبِرْ عَلَى مَا يَقُولُونَ وَأَذْكُرْ عَبْدَنَا دَاوِدَ ذَا الْأَئِدِ إِنَّهُ
أَوَابٌ ﴿١٧﴾

إِنَّا سَخَرْنَا الْجِبَالَ مَعَهُ وَسَيَّحَنَ بِالْعَشِيِّ وَالْأَشْرَقِ ﴿١٨﴾
وَالْأَطْيَرَ مَحْشُورَةً كُلَّهُ وَأَوَابٌ ﴿١٩﴾

"(Wahai Muhammad!) Sabarlah terhadap apa sahaja yang dikatakan mereka dan kenangkanlah hamba Daud yang mempunyai kekuatan-kekuatan, sesungguhnya dia seorang yang sentiasa kembali kepada Allah (17). Sesungguhnya Kami menundukkan gunung-ganang bertasbih bersama-sama di waktu petang dan pagi (18). Juga (menundukkan) burung-burung berkumpul bertasbih (bersamanya). Semuanya sentiasa kembali kepada Allah (19).

Dan Kami telah meneguhkan dan mengurniakan kepada kebijaksanaan dan keputusan yang jitu (20)."

"أَصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَذَكْرُ عَبْدَنَا دَأْوَدَ ذَا الْأَيْمَدِ إِنَّهُ أَوَّلُ^{١٧}" (Wahai Muhammad!) Sabarlah....."(17). Ayat ini menunjukkan satu jalan biasa yang dilalui oleh para rasul Salawatullahi a'laihim dalam kehidupan da'wah mereka. Seluruh mereka menempuh jalan ini. Seluruh mereka menderita belaka. Seluruh mereka ditindas dan seluruh mereka bersikap sabar. Kesabaran merupakan bekalan dan sifat mereka mengikut darjat masing-masing di dalam tingkatan tangga para Anbia'. Seluruh hidup mereka merupakan satu ujian yang penuh dengan penderitaan dan kesakitan. Kesenangan juga merupakan satu ujian terhadap kesabaran sama seperti kesusahan merupakan satu ujian terhadap kesabaran. Kedua-duanya memerlukan kesabaran dan ketahanan.

Apabila kita meninjau kehidupan para rasul seperti yang diceritakan Al-Qur'an kepada kita, kita dapat sifat sabar itulah yang menjadi asas dan unsur yang jelas dalam kehidupan mereka, juga kita dapatti bahawa ujian dan dugaan itulah yang menjadi bahan dan air dalam kehidupan mereka.

Kehidupan mereka merupakan lembaran-lembaran sejarah ujian dan kesabaran yang dibentangkan kepada umat manusia untuk merakamkan hakikat bagaimana roh insaniyah dapat menewaskan kesusahan dan penderitaan, dapat mengatasi segala apa yang disayangi di dunia ini, dapat menepiskan segala keinginan dan godaan, dapat membuktikan keikhlasannya kepada Allah, dapat lulus dalam ujian Allah dan dapat mengutamakan Allah dari segala yang lain dari-Nya. Kisah-kisah ini pada akhirnya seolah-olah berkata kepada manusia: Inilah jalan peningkatan diri dan inilah jalan menuju kepada Allah.

أَصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ

"Sabarlah terhadap apa sahaja yang dikatakan mereka."(17).... yakni perkataan-perkataan yang diucapkan mereka seperti: "Orang ini adalah seorang ahli sihir yang banyak berdusta", "Apakah patut dia hendak menjadikan tuhan-tuhan yang banyak itu hanya satu Tuhan sahaja? Sesungguhnya ini adalah satu perkara yang amat menghairankan" dan "Apakah patut Al-Qur'an itu diturunkan kepadanya (Muhammad) di antara kami semua?" Dan lain-lain lagi yang memang banyak diucapkan mereka. Allah mengarahkan Nabi-Nya supaya bersabar menerima perkataan-perkataan mereka dan supaya beliau hidup dengan hatinya bersama contoh-contoh yang lain dari contoh-contoh hidup orang-orang yang kafir itu, iaitu contoh-contoh hidup yang bersih dan luhur dari para rasul yang terdahulu yang disebutkan Allah kepada beliau. Beliau merasa ada hubungan yang amat rapat di antara beliau dengan para rasul itu. Beliau bercakap-cakap tentang mereka dengan percakapan yang membayangkan seolah-olah ada hubungan persaudaraan, keturunan dan kekeluargaan apabila beliau bersabda: "Semoga Allah cucurkan rahmat-Nya

ke atas saudaraku nabi si anu" atau "Aku lebih utama dengan nabi polan".

أَصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَذَكْرُ عَبْدَنَا دَأْوَدَ ذَا الْأَيْمَدِ إِنَّهُ أَوَّلُ^{١٧}

"(Wahai Muhammad!) Sabarlah terhadap apa sahaja yang dikatakan mereka dan kenangkan hamba Kami Daud yang mempunyai kekuatan-kekuatan, sesungguhnya dia seorang yang sentiasa kembali kepada Allah."(17)

Al-Qur'an menyebut Daud dengan sifat-sifatnya "yang mempunyai kekuatan-kekuatan" dan "sentiasa kembali kepada Allah". Sebelum ini Al-Qur'an menyebut kaum Nuh, 'Ad, Fir'aun yang membangunkan al-Ahram, Thamud, kaum Lut dan penduduk Aykah. Mereka semuanya golongan pelampau yang zalim. Gejala kekuatan mereka ialah kezaliman, keterlaluan dan pendustaan, tetapi berlainan dengan Daud, walaupun beliau mempunyai kuasa dan kekuatan, namun beliau sentiasa kembali kepada Allah, sentiasa beribadat dan mengingati Allah, sedangkan beliau seorang yang kuat dan berkuasa.

Di dalam Surah al-Baqarah telah diceritakan permulaan kisah Daud dan kemunculannya di dalam angkatan tentera Talut di kalangan Bani Israel selepas Musa. Mereka telah meminta dari Nabi mereka supaya melantikkan seorang raja untuk mereka agar mereka dapat berperang Sabilullah, lalu Allah memilih Talut sebagai raja mereka. Dia telah memimpin mereka bertempur menentang musuh mereka yang gagah dan zalim iaitu Jalut dan tentera-tenteranya. Daud a.s. telah berjaya membunuh Jalut. Ketika itu beliau masih seorang pemuda dan sejak itu bintangnya mulai naik dan akhirnya menjadi raja yang berkuasa, namun demikian beliau seorang yang sentiasa kembali kepada Allah, beribadat, berzikir dan beristighfar kepada Allah.

Di samping dikurniakan ni'mat nubuwah dan kerajaan, beliau juga telah dikurniakan hati yang sentiasa mengingati Allah dan suara yang merdu. Dengan suara inilah beliau melakukan bacaan-bacaan suci yang memuji Allah. Kekuatan ingatannya kepada Allah dan kemerduan suaranya melakukan bacaan-bacaan suci telah mencapai tahap, di mana terhapusnya segala tabir di antara dirinya dengan diri alam buana, iaitu satu tahap di mana hakikatnya bersambung dengan hakikat gunung-ganang dalam seluruh perhubungannya dengan Allah dan dalam amalan memuji-muji Allah dan beribadat kepada-Nya. Oleh kerana itu gunung-ganang bertasbih bersama-sama dengannya dan burung-burung berkumpul di sisi beliau bersama-sama bertasbih memuji Allah:

إِنَّا سَخَّرْنَا الْجِبَالَ مَعَهُ وَسَيَّحَنَ بِالْعَشَيِّ وَالْإِشْرَاقِ^{١٨}

وَالظَّرِيرَ مَحْشُورَةً كُلَّ لَهُ رَأْوَابٌ^{١٩}

وَسَدَّدْنَا مُلْكَهُ وَءَاتَيْنَاهُ الْحِكْمَةَ وَفَصَلَ الْخُطَابَ ﴿٢٠﴾

"Sesungguhnya Kami menundukkan gunung-ganang bertasbih bersama-sama di waktu petang dan pagi (18). Juga (menundukkan) burung-burung berkumpul bertasbih (bersamanya). Semuanya sentiasa kembali kepada Allah (19). Dan Kami telah meneguhkan kerajaannya dan mengurniakan kepadanya kebijaksanaan dan keputusan yang jitu."(20)

Apakah Yang Dihairankan Dari Gunung-Ganang Dan Burung-burung Bertasbih Bersama Daud a.s.

Mungkin ramai orang-orang yang kaget dan hairan dengan cerita ini, iaitu cerita gunung-ganang bertasbih bersama Daud petang dan pagi ketika beliau beribadat kepada Allah dan melagukan bacaan-bacaan suci memuji dan mengingati Allah. Burung-burung berkumpul di sekelilingnya mendengar suaranya yang merdu dan bersama-sama melagukan nasyid-nasyid suci. Mungkin ramai dari mereka merasa hairan dengan cerita ini kerana ia di luar kebiasaan mereka dan kerana ia bertentangan dengan perasaan biasa mereka yang merasakan adanya perpisahan di antara jenis manusia dengan jenis burung dan gunung-ganang itu.

Tetapi mengapa dikaget dan dihairankan? Seluruh makhluk mempunyai satu hakikat sahaja walaupun mereka berbeza-beza dari segi jenis, rupa bentuk, sifat-sifat dan ciri-ciri. Semuanya berkumpul pada satu hakikat dalam perhubungan mereka dengan Allah yang menciptakan seluruh makhluk hidup dan benda-bendaan. Apabila hubungan manusia dengan Allah telah mencapai tahap kebersihan, keikhlasan, kejernihan dan kegemilangan, maka tabir-tabir perbezaan jenis itu akan terhapus dan muncullah satu hakikat yang mujarrad (abstrak) kepada setiap mereka dan terjalinlah hubungan yang erat di sebalik tabir-tabir jenis, bentuk rupa, sifat dan ciri yang membeza dan mengasingkan mereka dalam kehidupan biasa itu.

Allah S.W.T. telah mengurniakan anugerah istimewa ini kepada hamba-Nya Daud a.s. Allah menundukkan kepadanya gunung-ganang bertasbih bersama-sama petang dan pagi. Allah mengumpulkan burung-burung berpadu suara dengannya melagukan bacaan-bacaan suci bertasbih kepada Allah. Ini merupakan satu anugerah Allah di samping anugerah ni'mat kerajaan, kuasa, nubuuwwah dan kesucian hati.

وَسَدَّدْنَا مُلْكَهُ وَءَاتَيْنَاهُ الْحِكْمَةَ وَفَصَلَ الْخُطَابَ ﴿٢٠﴾

"Dan Kami telah meneguhkan kerajaannya dan mengurniakan kepadanya kebijaksanaan dan keputusan yang jitu."(20)

Kerajaan Daud a.s. adalah sebuah kerajaan yang kuat. Beliau memimpin kerajaan itu dengan penuh kebijaksanaan dan ketegasan. Maksud "keputusan yang jitu" (فصل الخطاب) ialah di samping kebijaksanaan dan kekuatan keputusan-keputusan yang tegas dan

tidak teragak-agak. Keputusan yang seperti ini merupakan kemuncak kesempurnaan di dalam pengadilan dan pemerintahan dalam dunia manusia.

Kehakiman Nabi Daud a.s. Diuji

Walaupun demikian, Daud a.s. telah menghadapi ujian, tetapi Allah sentiasa memelihara dan memimpin jejak langkahnya. Tangan qudrat Allah sentiasa menolong beliau dengan mendedahkan kelemahan dan kesalahannya, juga sentiasa menjaga beliau dari bahaya diperjalanan dan mengajar beliau bagaimana hendak menghindarinya:

وَهَلْ أَتَكَ نَبُوا الْخَصِيمٍ إِذْ سَوَرُوا الْمِحْرَابَ ﴿٢١﴾
إِذْ دَخَلُوا عَلَى دَاؤُودَ فَفَرَغَ مِنْهُمْ قَالُوا لَا تَخْفَ خَصِيمَانِ بَغَى بَعْضُنَا عَلَى بَعْضٍ فَأَحْكَمْ بَيْنَنَا بِالْحَقِّ

وَلَا شُطِطٌ وَأَهْدِنَا إِلَى سَوَاءِ الصَّرَاطِ ﴿٢٢﴾

إِنَّ هَذَا آخِي لَهُ رِسْعٌ وَسَعْوَنَ تَجْهَةٌ وَلَيْ نَجْهَةٌ وَكَوْدَهٌ

فَقَالَ أَكْفَلْنِيهَا وَعَزَّنِي فِي الْخُطَابِ ﴿٢٣﴾

قَالَ لَقَدْ ظَلَمَكَ سُؤَالٌ نَجَّيْتُكَ إِلَى نِعَاجِهِ وَإِنَّ كَثِيرًا مِنَ الْخَاطِئِ لَيَبْغِي بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ إِلَّا الَّذِينَ إِيمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَقَلِيلٌ مَا هُرُونَ دَاؤُودُ أَنْمَافَتَهُ

فَأَسْتَغْفِرَرَبَّهُ وَوَحْزَرَ الْكَعَوْأَنَابَ ﴿٢٤﴾

"Dan apakah sampai kepadamu berita mereka yang berguam ketika mereka memanjat mihrab? (21) Ketika mereka masuk mendapatkan Daud. Ia terkejut melihat mereka, lalu mereka berkata: Janganlah takut, kami ini adalah dua orang yang berguam. Salah seorang dari kami telah melakukan kezaliman terhadap yang lain. Oleh itu adililah di antara kami dengan hukuman yang benar dan janganlah berlaku zalim dan tunjukkan kami ke jalan yang lurus (22). Sesungguhnya saudaraku ini mempunyai sembilan puluh sembilan ekor kambing betina, sedangkan aku hanya mempunyai seekor sahaja. Lalu dia berkata kepadaku: Serahkan sahaja kambing itu kepada milikku dan dia berlaku kasar terhadapku di dalam percakapannya (23). Ujar Daud: Dia (saudaramu) itu telah menzalimimu dengan meminta kambingmu, dan sesungguhnya kebanyakan kaum kerabat yang mencampurkan harta sesama mereka bertindak zalim terhadap satu sama lain melainkan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih, sedangkan mereka yang seperti itu hanya sedikit sahaja. Lalu Daud pun yakin bahawa Kami telah menduganya, maka kerana itu dia memohon keampunan kepada Tuhananya dan merebahkan dirinya ruku' (dan sujud) dan kembali kepada Allah."(24)

Cerita ujian itu ialah begini. Nabi Daud a.s. yang menjadi raja itu telah memperuntukkan sebahagian waktunya untuk menguruskan pentadbiran negara dan menjalankan pengadilan di antara orang ramai. Sebahagian waktunya yang lain diperuntukkan bagi amalan ibadat dan melagukan bacaan-bacaan suci bertasbih kepada Allah di mihrab. Biasanya apabila beliau memasuki mihrab untuk melakukan amal ibadat, tiada slapa pun yang masuk mengganggunya sehingga beliau keluar mendapatkan mereka.

Pada suatu hari beliau terkejut apabila dua orang yang tidak dikenalinya memanjat tembok mihrabnya yang tertutup itu. Beliau ketakutan, kerana orang yang beriman dan bersifat jujur tidak akan memanjat tembok seperti mereka. Lalu kedua-dua orang itu, membuka kata:

قَالُوا لَا تَخْفِي خَصْمَانِ بَغَىٰ بَعْضُنَا عَلَىٰ بَعْضٍ

"Janganlah takut, kami ini adalah dua orang yang berguam. Salah seorang dari kami telah melakukan kezaliman terhadap yang lain"(22)

dan tujuan kami datang ialah untuk berguam di hadapan anda.

فَأَحْكُمْ بَيْنَنَا يَكْلِحٌ وَلَا تُشَطِّطْ وَاهْدِنَا إِلَى سَوَاءٍ

الصَّرَاطٌ

"Oleh itu adililah diantara kami dengan hukuman yang benar dan janganlah berlaku zalim dan tunjukkan kami ke jalan yang lurus."(22)

Salah seorang dari dua orang yang berguam itu mengemukakan aduannya:

إِنَّ هَذَا أَخِي لَهُ دِسْعٌ وَتَسْعُونَ بَعْجَةً وَلِي نَعْجَةٌ وَحَدَّةٌ

فَقَالَ أَكْفَلْنِيهَا وَعَزَّزَنِي فِي الْخَطَابِ

۲۳

"Sesungguhnya saudaraku ini mempunyai sembilan puluh sembilan ekor kambing betina, sedangkan aku hanya mempunyai seekor sahaja. Lalu dia berkata kepada aku: Serahkan sahaja kambing itu kepada milikku dan dia berlaku kasar terhadapku di dalam percakapannya."(23)

Pengaduan yang dikemukakan oleh salah seorang dari dua orang yang hendak berguam itu mengandungi kezaliman yang amat terang dan tidak dapat ditakwilkan lagi. Oleh kerana itu Daud dengan segera menjatuhkan hukumannya sebaik sahaja beliau selesai mendengar aduan itu. Beliau tidak bertanya apa-apa kepada yang terdakwa, tidak meminta keterangan darinya dan tidak mendengar hujah balasnya, malah terus memberi hukumannya:

قَالَ لَقَدْ ظَلَمَكَ بِسُؤَالٍ بَعْتَكَ إِلَى نَعَاجِهِ وَإِنَّ كَثِيرًا مِنَ الْخَاطِئِ لَيَبْغِي بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَقَلِيلٌ مَا هُمْ

"Ujar Daud: Dia (saudaramu) itu telah menzalimimu dengan meminta kambingmu, dan sesungguhnya kebanyakannya kaum kerabat yang mencampurkan harta sesama mereka bertindak zalim terhadap satu sama lain melainkan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih, sedangkan mereka yang seperti itu hanya sedikit sahaja."(24)

Nampaknya setakat ini dua orang lelaki itu telah menghilangkan diri. Kedua-duanya ialah dua orang malaikat yang datang untuk menguji Nabi Daud yang dilantikkan Allah sebagai raja supaya beliau mentadbirkan urusan orang ramai dan mengadili di antara mereka dengan hukuman yang benar dan adil, juga supaya beliau menyelidik dengan teliti sebelum menjatuhkan hukuman. Kedua-dua malaikat telah memilih satu cara yang amat menarik dan jelas dalam mengemukakan aduan itu kepada Daud, tetapi seorang hakim tidak seharusnya terpengaruh dan gopoh. Dia tidak seharusnya menerima bulat-bulat keterangan dari sebelah pihak sebelum memberi peluang, kepada pihak yang satu lagi mengemukakan keterangan dan hujah balasnya. Jika dia berbuat demikian mungkin seluruh persoalan itu atau setengahnya berubah dan ternyata bahawa keterangan yang nampak jelas tadi adalah sebenarnya palsu atau bohong atau tidak cukup.

Di sini sedarlah Nabi Daud a.s. bahawa beliau telah diuji Allah:

وَظَنَّ دَاؤُدُّ أَنَّمَا فَتَنَّاهُ فَاسْتَغْفَرَ رَبَّهُ وَخَرَأَ كَعَا

وَأَنَابَ

"Lalu Daud pun yakin bahawa Kami telah menduganya, maka kerana itu dia memohon keampunan kepada Tuhanya dan merebahkan dirinya ruku' (dan sujud) dan kembali kepada Allah."(24)

Itulah tabi'at Nabi Daud yang sentiasa kembali kepada Allah.

فَغَفَرَنَا لَهُ ذَلِكُ وَإِنَّ لَهُ عِنْدَنَا لَزَلْفَى وَحُسْنَ

مَعَابٍ

"Lalu Kami ampunkan kesalahannya yang demikian dan sesungguhnya dia mempunyai kedudukan yang hampir di sisi Kami serta tempat kembali yang terbaik."(25)

Setengah-setengah kitab tafsir telah menjerumuskan diri begitu banyak di dalam dongeng-dongeng Israeliyat ketika menghuraikan maksud ujian yang dihadapi Daud a.s. ini. Ia sama sekali tidak sesuai dengan hakikat ujian itu sehingga riwayat-riwayat yang cuba mengurangkan dongeng-dongeng itu turut juga terlibat dengan dongeng-dongeng itu dan riwayat-riwayat itu sama sekali tidak layak dipertimbangkan dan tidak sesuai dengan firman Allah:

وَإِنَّ لَهُ عِنْدَنَا لَزَلْفَى وَحُسْنَ مَعَابٍ

۲۵

"Sesungguhnya dia (Daud) mempunyai kedudukan yang hampir di sisi Kami serta tempat kembali yang sebaik-baiknya."(25)

Ulasan Al-Qur'an selepas kisah ini juga mendedahkan apakah yang dimaksud dengan fitnah itu. Ulasan itu memberi arahan yang jelas kepada hamba-Nya yang telah dilantik sebagai hakim yang bertugas mengadili orang ramai itu:

يَكْدَأُودُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُمْ بَيْنَ النَّاسِ يَا لَهُ مَا يَحْتَى وَلَا تَتَبَعَ الْهَوَى فَيُضِلُّكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنَّ الَّذِينَ يَضِلُّونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ بِمَا نَسُوا يَوْمَ الْحِسَابِ
٢٦

"Wahai Daud! Sesungguhnya Kami telah melantikkan engkau sebagai khalifah di bumi. Oleh itu adililah di antara manusia dengan (hukuman) yang benar dan janganlah engkau menurut hawa nafsu kerana ini akan menyesatkan engkau dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan memperolehi 'azab yang amat berat kerana mereka lupakan hari Hisab."(26)

Itulah ujian menjadi khalifah di bumi dan menjadi hakim yang mengadili di antara orang ramai dengan hukuman yang benar bukannya dengan hukuman menurut hawa nafsu. Hukuman mengikut nafsu pada seorang Nabi ialah telatah terpengaruh dengan emosi pertama dan telatah tidak teliti, tidak hemat dan cermat. Telatah-telatah seperti ini jika berterusan boleh membawa kepada kesesatan. Adapun keterangan akhir ayat yang menggambarkan akibat kesesatan itu, maka ia merupakan hukuman umum terhadap natijah-natijah kesesatan dari jalan Allah iaitu perbuatan lupa kepada Allah dan kepada 'azab yang amat berat pada hari Hisab.

Di antara gejala-gejala riayah Allah terhadap hamba-Nya Daud ialah Allah terus menyedarkannya pada kesalahannya yang pertama dan mengembalikannya semula ke pangkal jalan sebaik sahaja beliau bertindak terburu-buru bagi pertama kalinya. Allah mengingatkan beliau supaya hati-hati terhadap matlamat pengadilan yang jauh, sedangkan beliau belum lagi melangkah selangkah menuju kepadanya. Itulah limpah kurnia Allah terhadap Rasul-rasul selaku hamba-hamba pilihan-Nya. Mereka dengan sifat-sifat manusia yang ada pada mereka terkadang-kadang tergelincir sedikit lalu dibetulkan Allah dengan segera. Allah sentiasa membimbangi, mengajar dan mendorong mereka kembali kepada Allah dan sentiasa memberi keampunan kepada mereka dan melimpahkan rahmat ke atas mereka selepas mereka menjalani ujian.

(Pentafsiran ayat-ayat 27 - 29)

Ketika menjelaskan dasar "kebenaran" (الحق) di dalam pentadbiran khilafah di bumi dan di dalam urusan pengadilan di antara manusia dan sebelum ditamatkan kisah Daud, Al-Qur'an memulangkan dasar "kebenaran" itu kepada asalnya yang amat besar, iaitu dasar itu adalah menjadi landasan penciptaan langit bumi. Dasar "kebenaran" adalah lebih luas dari pentadbiran khilafah di bumi dan dari urusan pengadilan di antara manusia. Ia lebih besar dari bumi ini dan lebih jauh dari hidup dunia kerana ia merangkumi alam buana dan hidup Akhirat. Dari dasar "kebenaran" dan di atas dasar "kebenaran" inilah datangnya risalah yang akhir dan datangnya kitab Al-Qur'an yang mentafsir "kebenaran" yang syamil dan agung itu:

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا بِطَلَاقٍ
٢٧
ظَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا فَوْلَلُ لِلَّذِينَ كَفَرُوا مِنَ النَّارِ
أَمْ بَنَجَعَلُ الَّذِينَ إِيمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ كَالْمُفْسِدِينَ فِي
الْأَرْضِ أَمْ بَنَجَعَلُ الْمُتَّقِينَ كَالْفُجَارِ
٢٨
كَتَبَنَا أَنَّ رَبَّنَا إِلَيْكُمْ مُّبِرْكٌ لِيَدْبَرُوا إِيمَانَهُ وَلِيَسْتَذَكِّرُ
أُولُوا الْأَلْبَابِ
٢٩

"Dan Kami tidak ciptakan langit, bumi dan segala kejadian di antara keduanya sebagai suatu perkara mainan (sia-sia). Itulah sangkaan orang-orang yang kafir, maka kerana itu celakalah bagi orang-orang kafir dari 'azab Neraka (27). Atau apakah patut Kami jadikan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih itu sama seperti para perosak di bumi atau apakah patut Kami jadikan para Muttaqin itu sama seperti para penjahat? (28) (Al-Qur'an) sebuah kitab yang berkat yang Kami telah turunkannya kepadamu supaya mereka memikirkan ayat-ayatnya dan supaya orang-orang yang berakal mengambil pengajaran darinya."(29)

Dengan tiga ayat ini terjelaslah hakikat agung yang syumul, yang amat halus, mendalam yang merangkumi semua sudut, cabang dan rangkaianya.

Penciptaan langit, bumi dan segala yang ada di antara keduanya bukanlah suatu perkara mainan. Penciptaan itu tidak pernah dilandaskan di atas dasar mainan, malah penciptaan itu suatu perkara yang benar dan dilandaskan di atas dasar "kebenaran". Dan dari dasar "kebenaran" inilah lahirnya berbagai-bagai hak yang lain, iaitu dasar kebenaran dalam pentadbiran khilafah di bumi, dasar kebenaran di dalam pengadilan di antara manusia dan dasar kebenaran dalam menilaikan perasaan manusia dan amalan-amalan mereka. Oleh kerana itu orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih tidak sama dengan para perosak di bumi. Begitu juga

para Muttaqin tidak sama dengan para penjahat. Dasar kebenaran yang dibawa oleh Al-Qur'an yang diturunkan Allah supaya manusia memperhatikan ayat-ayat-Nya dan supaya orang-orang yang berakal mengambil pengajaran darinya itu adalah dari hakikat-hakikat yang tulen yang tidak dapat difahami oleh orang-orang kafir, kerana fitrah mereka tidak bersambung dengan kebenaran dan kebenaran yang semula di dalam pembinaan alam buana ini. Oleh sebab itu mereka menaruh sangkaan yang buruk terhadap Allah dan mereka tidak dapat memahami sedikit pun ketulenan dasar kebenaran.

ذَلِكَ ظَنُّ الَّذِينَ كَفَرُوا فَوْيَلٌ لِّلَّذِينَ كَفَرُوا مِنَ النَّارِ

"Itulah sangkaan orang-orang yang kafir, maka kerana itu celakalah bagi orang-orang kafir dari 'azab Neraka." (27)

Syari'at Allah untuk umat manusia, itu merupakan sebahagian dari undang-undang-Nya dalam penciptaan alam buana ini. Kitab Al-Qur'an yang diturunkan Allah merupakan penerangan kepada dasar kebenaran yang menjadi Qlandasan undang-undang itu. Keadilan yang dituntut supaya dilaksanakannya oleh para khalifah di bumi dan para hakim yang mengadili manusia merupakan sebahagian dari dasar kebenaran yang menyeluruh. Kehidupan manusia tidak akan dapat berjalan dengan baik melainkan apabila kehidupan itu selaras dengan semua bahagian undang-undang Allah yang lain. Penyelewengan dari syari'at Allah dan dari dasar kebenaran di dalam pentadbiran khilafah dan di dalam keadilan hukuman merupakan penyelewengan dari undang-undang alam buana yang menjadi tapak tegaknya langit dan bumi. Penyelewengan itu merupakan suatu kejahatan yang amat besar dan suatu pelanggaran dengan kuasa-kuasa alam yang besar yang akan membuat seseorang itu hancur lebur dan binasa. Tiada seorang pun dari orang yang zalim, pelampau dan menyeleweng dari undang-undang Allah, dari undang-undang alam buana dan dari tabiat alam al-wujud dapat bertahan dengan kekuatannya yang kerdil di, hadapan kekuatan-kekuatan undang-undang yang agung dan menghancur leburkan itu. Dia tidak mungkin dapat bertahan dari dilanyak oleh roda undang-undang alam yang gagah dan menghancur luluhkan itu.

Inilah yang patut difikirkan oleh orang-orang yang mahu mengambil pengajaran dan patut diingatkan oleh orang-orang yang berakal.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 30 - 40)

Pemerintahan Nabi Sulaiman a.s. Diuji

Selepas ulasan selingan di tengah kisah Daud yang dituju untuk menjelaskan hakikat yang agung itu, Al-Qur'an kembali menyebutkan limpah kurnia Allah ke atas Daud pada anaknya Nabi Sulaiman a.s. yang telah dikurniakan berbagai ni'mat. Begitu juga ia menyebut ujian Allah dan ri'ayah-Nya terhadap

Sulaiman dan bagaimana Allah melimpahkan ni'mat ke atasnya selepas ujian itu:

وَهَبَنَا لِدَاؤُدْ سُلَيْمَانَ نَعْمَ الْعَبْدُ إِنَّهُ وَأَوَّلُ

إِذْ عَرِضَ عَلَيْهِ بِالْعَشِيِّ الصَّرِيفَتُ الْجَيَادُ

فَقَالَ إِنِّي أَحَبُّتُ حُبَّ الْخَيْرِ عَنْ ذِكْرِ رَبِّي حَتَّى تَوَارَثَ

بِالْحِجَابِ

رُدُّوهَا عَلَىٰ فَطَرِيقَ مَسْحَابِ السُّوقِ وَالْأَعْنَاقِ

وَلَقَدْ فَتَنَّا سُلَيْمَانَ وَالْقِنَانَ عَلَىٰ كُرْسِيهِ جَسَداً

ثُمَّ أَنَابَ

قَالَ رَبِّي أَغْفِرْ لِي وَهَبْ لِي مُلْكًا لَا يَنْبَغِي لِأَحَدٍ مِّنْ

بَعْدِي إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ

فَسَخَّرَنَا لَهُ الرِّيحُ تَجْرِي يَأْمُرُهُ رُخَاءُ حَيْثُ أَصَابَ

وَالشَّيْطَينُ كُلُّ بَنَاءٍ وَغَوَّاصٍ

وَأَخْرِينَ مُقْرَنِينَ فِي الْأَصْفَادِ

هَذَا عَطَاؤُنَا فَأَمْنِنْ أَوْ أَمْسِكْ بِغَيْرِ حِسَابٍ

وَإِنَّ لَهُ عِنْدَنَا لَزِقَ وَحْسَنَ مَعَابٍ

"Dan Kami telah kurniakan kepada Daud (putera) Sulaiman. Dia adalah sebaik-baik hamba. Sesungguhnya dia seorang yang sentiasa kembali kepada Allah (30). (Kenangilah) ketika dipamerkan kepadanya pada suatu petang kuda-kuda yang cantik berdiri dan tangkas berlari (31)⁴. Lalu dia berkata: Sesungguhnya aku amat menyayangi kuda-kuda menyebabkanku terlupa dari mengingati Tuhan seingga matahari melindungi dirinya dengan tabir (malam) (32). (Dia memerintah orang-orangnya): Kembalikan kuda-kuda itu kepadaku. Lalu dia terus mengusap-ngusap kaki dan leher kuda-kuda itu (33). Sesungguhnya Kami telah ujian Sulaiman (dengan suatu kejadian), lalu Kami letakkannya di atas takhtanya satu jasad yang tidak cukup sifatnya kemudian dia kembali kepada Allah (34). Dia berdo'a: Wahai Tuhan! Ampunkan daku dan kurniakanlah kepadaku sebuah kerajaan yang tidak wajar dipunyai seorang yang lain selepasuku. Sesungguhnya engkaulah Yang Maha Pemurah (35). Lalu Kami tundukkan angin, kepadanya. Ia bertiu lembut dengan perintahnya ke mana sahaja dia kehendaki

⁴ Juzu' 23 berakhir di ayat (32). Lihat nota kaki terakhir bagi Surah ini.

(36). Dan (Kami tundukkan) syaitan-syaitan kepadanya, iaitu syaitan-syaitan pembina bangunan dan penyelam (37). Dan syaitan-syaitan yang lain yang dirantai dengan belenggu-belenggu (38). (Kami katakan kepadanya): Inilah pemberian Kami, maka (engkau bebas) memberikannya (kepada siapa yang disukai engkau) atau menahankannya (dari siapa yang tidak disukai engkau) tanpa hisab (39). Dan sesungguhnya dia mempunyai kedudukan yang hampir di sisi Kami dan tempat kembali yang terbaik."(40)

Ada dua isyarat yang disebut di dalam ayat-ayat ini iaitu: Pertama, tentang kuda-kuda yang cantik berdiri dan tangkas berlari. Kedua, tentang satu jasad yang dicampakkan ke atas takhta Sulaiman. Hati saya tidak senang dengan mana-mana pentafsiran atau riwayat-riwayat yang terkandung di dalam kitab-kitab tafsir dan riwayat-riwayat mengenai kedua-dua isyarat ini. Semuanya merupakan sama ada dongeng-dongeng Israeliyat atau ta'wilan-ta'wilan yang tidak berasas. Saya tidak dapat memahami tabiat dua kejadian itu dengan kefahaman yang dapat meyakinkan hati saya sendiri sehingga dapat saya gambar dan ceritakannya di sini. Saya tidak menemui satu athar yang sahih yang dapat, saya bersandar kepadanya dalam mentafsir dan menggambarkan dua kejadian itu selain dari sebuah hadith yang sahih. Memang hadith itu sendiri sahih tetapi hubungannya dengan salah satu dari dua kejadian itu adalah tidak diyakinkan. Hadith itu diriwayatkan oleh Abu Hurayrah r.a. dari Rasulullah s.a.w., dan Iman al-Bukhari telah mengeluarkannya di dalam Sahihnya dengan sanad yang marfu'. Bunyi hadith itu begini:

قال سليمان: لاطوفن الليلة على سبعين امرأة . كل واحدة تأتي بفارس يجاهد في سبيل الله . ولم يقل: إن شاء الله . فطاف عليهم فلم يحمل إلا امرأة واحدة جاءت يشق رجل . والذي نفسي بيده ، لو قال إن شاء الله بالجاهدوا في سبيل الله فرساناً أجمعون

"Ujar Sulaiman: Malam ini aku akan berkeliling untuk mencampuri tujuh puluh orang isteri (dengan harapan) setiap isteri dapat melahirkan seorang pahlawan yang dapat berjihad pada jalan Allah, tetapi beliau tidak berkata: "Insy Alla", lalu beliau berkeliling membuat hubungan kelamin dengan mereka, tetapi tiada yang mengandung melainkan hanya seorang sahaja yang melahirkan separuh anak lelaki (cacat). Demi Allah yang memegang nyawaku di tangan-Nya, jika dia (Sulaiman) berkata: "Insy Alla", tentulah (semua isterinya mendapat anak) yang dapat berjihad pada jalan Allah sebagai pahlawan semuanya."

Mungkin inilah ujian yang diisyaratkan oleh ayat-ayat ini. Dan jasad yang tercampak di atas takhta yang dimaksudkan itu ialah jasad anak separuh lelaki itu. Ini hanya suatu kemungkinan sahaja. Adapun kisah kuda-kuda pula menurut satu pendapat, Nabi Sulaiman a.s. asyik melihat kuda-kuda kepunyaannya pada suatu petang hingga luput sembahyang yang selalu didirikannya sebelum waktu Maghrib. Lalu beliau bersabda: "Kembalikan kuda-kuda itu kepada aku." Mereka pun membawa kembali kuda-kuda itu kepadanya, beliau pun memukul leher dan kaki kuda-

kuda itu sebagai balasan kerana ia melalaikannya dari mengingati Allah. Dalam satu riwayat yang lain beliau mengusap-ngusapkan leher dan kaki kuda-kuda itu sebagai memuliakan kuda-kuda itu kerana ia adalah kuda-kuda perang fi Sabillillah. Kedua-dua riwayat ini tidak mempunyai dalil dan sukar untuk dipegang dengan yakin.

Oleh kerana itu seseorang yang hemat tidak dapat berkata apa-apa mengenai dua tafsiran kejadian ini yang disebut di dalam Al-Qur'an.

Kesimpulan yang dapat kita keluarkan ialah di sana ada ujian Allah terhadap Nabi Allah Sulaiman a.s. dalam suatu perkara yang ada hubungan dengan tindak-tanduknya di dalam pentadbiran kerajaan sebagaimana Allah ujikan para Nabi yang lain dengan maksud untuk memberi arahan-arahan dan petunjuk-petunjuk kepada mereka, juga untuk memelihara langkah-langkah mereka dari tergelincir. Nabi Sulaiman a.s. kembali kepada Allah memohon keampunan dan mengangkatkan do'a dan harapannya kepada Allah:

قَالَ رَبِّيْ أَغْفِرْ لِي مُلْكًا لَا يَنْتَعِي لِأَحَدٍ مِّنْ
بَعْدِيْ إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ

(25)

"Dia berdo'a: Wahai Tuhan! Ampunkan daku dan kurniakanlah kepadaku sebuah kerajaan yang tidak wajar dipunyai seorang yang lain selepasku. Sesungguhnya engkaulah Yang Maha Pemurah."(35)

Ta'wilan yang paling dekat mengenai permohonan Nabi Sulaiman a.s. ini ialah beliau tidak menghendaki kerajaan itu untuk kepentingan dirinya, malah beliau mahukan sebuah kerajaan istimewa yang berbentuk mu'jizat, iaitu beliau mahukan sebuah kerajaan yang mempunyai ciri yang membezakannya dari seluruh kerajaan yang lain yang datang kemudiannya dan mempunyai sifat yang tertentu yang tidak pernah berulang-ulang dan tidak pula pernah dikenali manusia.

Allah S.W.T. telah memperkenankan do'anya, lalu mengurniakan kepadanya sebuah kerajaan istimewa yang tidak berulang-ulang:

فَسَخَّرَنَا لَهُ الرِّيحُ بِمَجْرِيِّ يَأْمُرُهُ رُحَاءُ حَيْثُ أَصَابَ

(26)

وَالشَّيْطِينَ كُلَّ بَنَاءٍ وَغَوَّاصٍ

(27)

وَآخَرَيْنَ مُقْرَنِينَ فِي الْأَصْفَادِ

"Lalu Kami tundukkan angin, kepadanya ia bertup lembut dengan perintahnya ke mana sahaja dia kehendaki (36). Dan (Kami tundukkan) syaitan-syaitan kepadanya, iaitu syaitan-syaitan pembina bangunan dan penyelam (37). Dan syaitan-syaitan yang lain yang dirantai dengan belenggu-belenggu."(38)

Tunduknya angin kepada mana-mana hamba Allah adalah dengan keizinan Allah. Ia tidak keluar dari tunduknya angin kepada iradat Allah. Ia selama-lamanya tunduk kepada iradat Allah tanpa sebarang keraguan. Ia bertiup dengan perintah-Nya menurut undang-undang-Nya. Apabila Allah memberi kemudahan kepada mana-mana hamba-Nya pada bila-bila masa supaya mengungkapkan iradat Allah S.W.T., supaya tindak-tanduknya bersesuaian dengan urusan Allah pada masa itu dan supaya angin itu bertiup lembut mengikut ke mana sahaja yang dikehendakinya, maka perkara yang seperti ini bukanlah suatu perkara yang tidak mungkin, malah perkara yang seperti ini berlaku dengan bermacam-macam bentuk. Allah S.W.T. berfirman di dalam Al-Qur'an kepada Rasulullah s.a.w.:

لَئِنْ لَّرَبِّنَا هُمْ فَقُونَ وَالَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ
وَالْمُرْجِفُونَ فِي الْمَدِينَةِ لَتُغَرِّبَنَّكَ بِهِمْ ثُمَّ لَا
يُجَاوِرُونَكَ فِيهَا إِلَّا قَلِيلًا ۝

"Jika orang-orang Munafiq dan orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka juga penyebar-penyebar berita bohong di Madinah itu tidak berhenti (dari menyakitimu), nescaya Kami akan mendorong engkau menyerang mereka. Kemudian mereka tidak lagi berjiranan dengan engkau di Madinah melainkan dalam waktu yang sedikit sahaja."

(Surah al-Ahzab: 60)

Apakah makna ayat ini? Maknanya jika mereka tidak berhenti, maka iradat Kami akan memberi kuasa kepada engkau menguasai mereka dan mengusirkan mereka keluar dari Madinah. Dan ini akan terlaksana dengan mengarahkan iradat dan keinginan engkau supaya memerangi mereka dan mengeluarkan mereka dari Madinah. Dengan ini terlaksanalah iradat Kami terhadap mereka dengan perantaraan engkau. Inilah yang dikatakan penyelarasannya perintah Allah S.W.T. dengan tindak-tanduk Nabi s.a.w. Jadi, iradat dan perintah Allah itu tetap merupakan dua sumber yang asal. Kedua-duanya menjelma pada iradat Rasulullah s.a.w. dan tindak-tanduknya mengikut apa yang dikehendaki Allah. Pendekatan ini memudahkan kita untuk memahami makna tunduknya angin kepada perintah Nabi Sulaiman a.s. iaitu dengan makna tunduknya angin kepada perintah beliau yang sesuai dengan perintah Allah yang mengarahkan angin itu atau tunduknya angin kepada perintah beliau yang menjunjung perintah Allah dan mengungkapkannya dalam segala keadaan.

Demikianlah juga Allah tundukkan kepada Nabi Sulaiman a.s. syaitan-syaitan untuk membina bangunan-bangunan yang dikehendakinya dan menyelam di dalam lautan dan di dalam perut bumi mencari apa yang dikehendakinya. Allah telah memberi kuasa kepada beliau menghukumkan syaitan-syaitan yang derhaka dan melakukan kerosakan dan mengikat mereka dengan belenggu-

belenggu yang merantaikan tangan mereka kepada kaki mereka atau merantaikan mereka berdua-duaan atau lebih pada belenggu-belenggu itu ketika perlu.

Kemudian dikatakan kepada beliau: Sesungguhnya engkau adalah bebas menggunakan kuasa dan ni'mat yang dikurniakan Allah kepadamu. Engkau boleh memberi kepada siapa yang engkau kehendaki mengikut cara yang engkau kehendaki dan engkau boleh menahankan pemberian itu kepada siapa yang engkau kehendaki mengikut kadar yang engkau kehendaki:

هَذَا عَطَاؤُنَا فَأَمْنِنْ أَوْ أَمْسِكْ بِغَيْرِ حِسَابٍ ۝

"(Kami katakan kepada danya): Inilah pemberian Kami, maka (engkau bebas) memberikannya (kepada siapa yang disukai engkau) atau menahankannya (dari siapa yang tidak disukai engkau) tanpa hisab." (39)

Ini adalah sebagai menambahkan lagi penghormatan dan pemberian yang dikurniakan Allah kepadanya. Kemudian ditambahkan pula dengan mengurniakan kepadanya darjah yang hampir di sisi Allah di dunia dan tempat kediaman yang terbaik di Akhirat:

وَإِنَّهُ عِنْدَنَا إِلَيْنِي وَحْسَنَ مَعَابٍ ۝

"Dan sesungguhnya dia mempunyai kedudukan yang hampir di sisi Kami dan tempat kembali yang terbaik." (40)

Itulah darjah yang amat tinggi iaitu ri'ayah, keredhaan, pengurniaan dan penghormatan Allah kepada beliau.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 41 - 44)

Nabi Ayyub a.s. Diuji

Kemudian kita ikuti kisah-kisah ujian dan kesabaran, juga kisah pengurniaan Allah selepas ujian itu. Kini kita ikuti kisah Ayyub a.s.:

وَأَذْكُرْ عَبْدَنَا آيُوبَ إِذْ نَادَى رَبَّهُ وَأَنِّي مَسَّنِي الشَّيْطَانُ
بِنُصُبٍ وَعَذَابٍ ۝

أَرْكُضْ بِرْ جِلَكَ هَذَا مُعْتَسِلٌ بَارِدُ وَشَارِبٌ ۝

وَوَهَبَنَا لَهُ أَهْلَهُ وَمَثَلُهُمْ مَعْهُ رَحْمَةً مِنَّا وَذِكْرَى لِأُولَى ۝

الْأَلْبَبِ ۝

وَخُذْ بِيَدِكَ ضَغْثًا فَاضْرِبْ بِهِ وَلَا تَحْنَثْ إِنَّا وَجَدْنَاهُ ۝

صَابِرًا قَعْمَ الْعَبْدِ إِنَّهُ وَأَعْوَابٌ ۝

"Dan kenangilah hamba Kami Ayyub ketika dia menyeru Tuhaninya. Sesungguhnya aku telah diganggu syaitan dengan kesusahan dan keseksaan (41). (Allah berfirman kepada danya) hentakkan (bumi) dengan kakimu, inilah air

dingin untuk mandi dan minum (42). Dan Kami kurniakannya kembali keluarganya dengan bilangan sekali ganda lagi bersama mereka sebagai rahmat dari Kami dan peringatan kepada orang-orang yang berakal (43). Dan ambillah seberkas ranting-ranting halus, kemudian pukullah (isterimu) dengannya dan janganlah engkau melanggar sumpahmu. Sesungguhnya Kami dapatinya (Ayyub) seorang yang sabar. Dialah sebaik-baik hamba. Sesungguhnya dia seorang yang sentiasa kembali kepada Allah."(44)

Kisah penderitaan Ayyub dan kesabaraninya merupakan satu kisah yang amat masyhur yang menjadi contoh teladan kesabaran dalam menghadapi ujian Allah, tetapi kisah itu bercampur aduk dengan dongeng-dongeng Israeliyat. Batas yang aman dan bersih dari kisah ini ialah Nabi Ayyub a.s. mengikut keterangan Al-Qur'an adalah seorang hamba yang amat salih dan sentiasa kembali kepada Allah. Allah telah menguji beliau dan beliau telah menunjukkan kesabaran yang amat tinggi menghadapi ujian itu. Nampaknya ujian itu ialah ujian berupa kesusahan kerana kehilangan harta benda, keluarga dan kesihatan semua sekali, tetapi beliau tetap berhubung rapat dengan Allah, tetap yakin kepada-Nya dan tetap redha terhadap habuan yang dibahagikan Allah kepadanya.

Syaitan telah menghasut orang-orang yang rapat kepada beliau yang terdiri dari sekumpulan kecil yang masih setia kepada beliau. Di antaranya ialah isteri beliau sendiri. Syaitan menghasut mereka jika Allah itu benar-benar kasih kepada Ayyub tentulah Dia tidak menimpakan kesusahan kepada beliau. Mereka telah mengemukakan perkataan yang seperti ini kepada beliau dan perkataan-perkataan itu lebih menyakitkan jiwa beliau dari kesusahan dan penderitaan yang dialaminya. Apabila isterinya juga turut mengatakan sebahagian dari perkataan yang dihasutkan oleh syaitan itu, beliau pun bersumpah jika beliau sembuh dari kesakitannya beliau akan memukul isterinya sekian kali yang telah ditentukannya. Menurut satu pendapat ialah sebanyak seratus kali.

Ketika itu beliau pun bertawajuh kepada Allah mengadu kepada-Nya tentang gangguan-gangguan syaitan yang menyakitkan beliau dan hasutan-hasutannya yang mengacau jiwa pengikut-pengikutnya yang rapat dan kesan gangguan itu kepada jiwanya sendiri:

وَأَذْكُرْ عَبْدَنَا أَيُّوبَ إِذْ نَادَى رَبَّهُ وَأَنِّي مَسَّنِي الشَّيْطَانُ
بِنُصُبٍ وَعَذَابٍ ﴿٤١﴾

"Dan kenanglah hamba Kami Ayyub ketika dia menyeru Tuhananya: Sesungguhnya aku telah diganggu syaitan dengan kesusahan dan keseXAan."(41)

Apabila Allah mengetahui kebenaran dan kesabaran beliau, juga kebencian beliau terhadap percubaan-percubaan syaitan yang menyakitinya, maka Allah mengurniakan pertolongan dengan limpah rahmat-

Nya dan menamatkan penderitaan-penderitaannya serta mengembalikan kesihatannya dengan menyuruh beliau supaya menghentakkan kakinya ke bumi lalu terpancarlah mataair yang dingin. Apabila beliau mandi dengan air itu dan minum, maka beliau pun sembuh dari penyakitnya:

أَرْكُضْ بِرِّ جَلَكَ هَذَا مُعْتَسِلٌ بَارِدٌ وَشَرَابٌ ﴿٤٢﴾

"(Allah berfirman kepadanya) hentakkan (bumi) dengan kakimu, inilah air dingin untuk mandi dan minum."(42)

Al-Qur'an menyambung lagi:

وَهَبَنَا لَهُ وَأَهْلَهُ وَمَثَلُهُمْ مَعْهُمْ رَحْمَةً مِنَّا وَذَكْرَى لِأُولَئِكَ الْأَلْبَابِ ﴿٤٣﴾

"Dan Kami kurniakannya kembali keluarganya dengan bilangan sekali ganda lagi bersama mereka sebagai rahmat dari Kami dan peringatan kepada orang-orang yang berakal."(43)

Menurut setengah-setengah riwayat, Allah S.W.T. telah menghidupkan kembali anak-anaknya yang mati dan mengurniakan anak-anak sekali ganda lagi, tetapi di dalam ayat ini tidak ada keterangan yang menunjukkan dengan pasti bahawa Allah telah menghidupkan anak-anaknya yang telah mati. Boleh jadi maksudnya, dengan kebolehan beliau menjadi sihat dan afiat beliau dapat kembali ke pangkuhan anak-anaknya yang selama ini seolah-olah hilang darinya, dan Allah telah mengurniakan pula anak-anak yang lain sebagai tambahan ni'mat, rahmat dan ri'ayah-Nya yang wajar menjadi peringatan kepada orang-orang yang berakal.

Yang penting dalam tayangan kisah-kisah di sini ialah gambaran rahmat dan limpah kurnia Allah kepada para hamba-Nya yang telah menerima ujian-Nya dengan penuh kesabaran dan redha dengan qadha'-Nya.

Adapun sumpah beliau hendak memukul isterinya, maka Allah telah menyelesaikannya dengan limpah rahmat-Nya terhadap beliau dan terhadap isterinya yang telah melayani beliau dan sabar di atas penderitaan beliau dan penderitaan dirinya kerana kesakitan suaminya. Allah selesaikan sumpahnya itu dengan menyuruh beliau mengambil seberkas ranting-ranting halus sebanyak yang tertentu dan memukul isterinya dengan satu pukulan sahaja iaitu cukup untuk memenuhi komitmen sumpahnya dan dengan pukulan itu beliau tidak lagi dikira melanggar sumpah:

وَخُذْ بِيَدِكَ ضِغْثًا فَأَضْرِبْ بِهِ وَلَا تَحْتَ

"Dan ambillah seberkas ranting-ranting halus, kemudian pukullah (isterimu) dengannya dan janganlah engkau melanggar sumpahmu."(44)

Penyelesaian sumpah dengan cara yang mudah dan anugerah yang limpah itu merupakan balasan dari

Allah terhadap hamba-Nya Ayyub yang telah menerima ujian Allah dengan sabar, patuh dan kembali kepada Allah:

إِنَّ وَجْدَنَهُ صَابِرًا عَمَّا أَعْدَ إِنَّهُ وَأَوَّلُوْبٌ ٤٤

"Sesungguhnya Kami dapatinya (Ayyub) seorang yang sabar. Dialah sebaik-baik hamba. Sesungguhnya dia seorang yang sentiasa kembali kepada Allah." (44)

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 46)

Para Rasul Yang Terpilih

Selepas menayangkan tiga kisah ini dengan agak terperinci untuk mengingatkan Rasulullah s.a.w. supaya beliau sabar menghadapi kesukaran-kesukaran yang dialaminya, Al-Qur'an menyebut pula secara sepintas lalu kisah-kisah sekumpulan Rasul-rasul yang lain yang telah menerima ujian-ujian dengan sabar dan mendapat limpah kurnia dari Allah seperti yang berlaku di dalam kisah-kisah Daud, Sulaiman dan Ayyub 'alaihimas-salam. Di antara Rasul-rasul yang lain yang diceritakan itu terdapat Rasul-rasul yang terdahulu dari mereka yang diketahui zaman mereka dan di antara Rasul-rasul itu pula ada yang tidak diketahui zaman hidup mereka, kerana Al-Qur'an dan sumber-sumber yang ada pada kita tidak menentukannya:

وَأَذْكُرْ عِبْدَنَا إِبْرَاهِيمَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ أُولَى الْأَئِدِي
وَالْأَبْصَرِ ٤٥

إِنَّا أَخْلَصْنَاهُمْ بِخَالِصَةِ ذِكْرِ الدَّارِ ٤٦

وَإِنَّهُمْ عِنْدَنَا لِمَنِ الْمُضْطَفَينَ الْأَخِيَارِ ٤٧

وَأَذْكُرْ إِسْمَاعِيلَ وَالْيَسَعَ وَذَا الْكَفْلِ وَكُلُّ مِنْ
الْأَخِيَارِ ٤٨

"Dan kenangilah hamba Kami Ibrahim, Ishaq dan Ya'kub yang mempunyai tangan-tangan dan matahati-matahati (45). Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada mereka satu sifat istimewa yang banyak mengingati Akhirat (46). Dan sesungguhnya kedudukan mereka di sisi Kami adalah dari orang-orang yang terpilih dan terbaik (47). Dan kenangilah Ismail, Ilyasa' dan Zulkifli, semua mereka adalah dari orang-orang yang terpilih."(48)

Ibrahim, Ishaq, Ya'kub dan Ismail secara pastinya adalah hidup sebelum Daud dan Sulaiman, tetapi kita tidak mengetahui di mana mereka dengan zaman Ayyub. Begitu juga Ilyasa' dan Zulkifli. Cerita mengenai dua orang Rasul itu hanya diceritakan oleh Al-Qur'an secara sepintas lalu sahaja. Di sana ada seorang Nabi dari Nabi-nabi Bani Israel bernama al-Yasya' itulah al-Yasa' di dalam bahasa Arab menurut pendapat yang kuat. Adapun Zulkifli, maka kita tidak mengetahui mengenainya sedikit pun kecuali sifat-

sifatnya sahaja iaitu beliau adalah "dari orang-orang yang terpilih."

Allah S.W.T. mensifatkan Ibrahim, Ishaq dan Ya'kub sebagai orang-orang "yang mempunyai tangan-tangan dan matahati-matahati". Yang dimaksudkan "tangan-tangan" ialah amalan-amalan yang soleh yang dilakukan dengan kekuatan tangan dan yang dimaksudkan "matahati-matahati" ialah pandangan-pandangan yang betul. Orang yang tidak mengerjakan amalan-amalan yang salih itu dikira seolah-olah seorang yang tidak mempunyai tangan dan orang yang tidak berfikir dengan pemikiran yang betul itu seolah-olah seorang yang tidak mempunyai minda dan matahati.

Di samping menyebut sifat penghormatan itu, Al-Qur'an menyebut bahawa Allah telah mengurniakan mereka satu sifat istimewa, iaitu mereka sentiasa mengingati negeri Akhirat dan mengosongkan minda mereka dari segala sesuatu yang lain darinya:

إِنَّا أَخْلَصْنَاهُمْ بِخَالِصَةِ ذِكْرِ الدَّارِ ٤٦

"Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada mereka satu sifat istimewa yang banyak mengingati Akhirat."(46)

Itulah sifat istimewa dan kelebihan mereka. Sifat inilah yang menjadikan mereka orang-orang yang terpilih di sisi Allah:

وَإِنَّهُمْ عِنْدَنَا لِمَنِ الْمُضْطَفَينَ الْأَخِيَارِ ٤٧

"Dan sesungguhnya kedudukan mereka di sisi Kami adalah dari orang-orang yang terpilih dan terbaik."(47)

Demikianlah juga Allah S.W.T. menyaksikan bahawa Ismail, Ilyasa' dan Zulkifli adalah dari hamba-hamba-Nya yang terpilih. Allah mengarahkan Nabi Muhammad s.a.w. selaku penamat para Anbia' dan selaku sebaik-baik Rasul-Nya supaya beliau sentiasa mengingati mereka, hidup bersama mereka, memerhati kesabaran mereka dan mengenangkan rahmat Allah yang dilimpahkan ke atas mereka, juga supaya beliau sabar menghadapi tindak-tanduk kaumnya yang pendusta dan sesat itu, kerana kesabaran adalah jalan yang ditempuh oleh segala risalah dan segala da'wah. Allah tidak akan membiarkan para hamba-Nya yang sabar, malah Allah akan membalaskan kesabaran mereka dengan kebaikan, rahmat, keberkatan dan pilihan. Oleh itu balasan di sisi Allah adalah semuanya baik. Segala tipu daya dan segala pendustaan para pendusta adalah begitu kecil dibandingkan dengan rahmat Allah, ri'ayah-Nya dan limpah kurnia-Nya.

(Kumpulan ayat-ayat 49 - 64)

هَذَا ذِكْرٌ وَإِنَّ لِلْمُتَّقِينَ لَحُسْنَ مَعَابٍ ٤٩

جَثَّتِ عَدَنِ مُفْتَحَةً لَهُمُ الْأَبْوَابُ ٥٠

مُتَّكِينَ فِيهَا يَدْعُونَ فِيهَا يَفْكَهُ كَثِيرَةٌ وَشَرَابٌ ٥١

وَعِنْدَهُمْ قَصْرَاتُ الظَّرِيفِ أَتْرَابٌ ﴿٥٩﴾
 هَذَا مَا تُوعَدُونَ لِيَوْمِ الْحِسَابِ ﴿٦٠﴾
 إِنَّ هَذَا لِرِزْقِنَا مَالَهُ وَمِنْ نَفَادٍ ﴿٦١﴾
 هَذَا وَإِنَّ لِلظَّاغِينَ لَشَرَّ مَعَابٍ ﴿٦٢﴾
 جَهَنَّمَ يَصْلُونَهَا فِيئَسُ الْمَهَادُ ﴿٦٣﴾
 هَذَا فَلَيْذُوقُوهُ حَمِيمٌ وَغَسَاقٌ ﴿٦٤﴾
 وَءَاخْرُمِنْ شَكَلِهِ أَزْوَاجٌ ﴿٦٥﴾
 هَذَا فَوْجٌ مُقْتَحِمٌ مَعَكُمْ لَا مَرْجَبٌ يَهُمْ إِنَّهُمْ
 صَالُوا النَّارِ ﴿٦٦﴾
 قَالُوا بَلْ أَنْتُمْ لَا مَرْجَبٌ كُمْ أَنْتُمْ قَدْ مَتَّمُوهُ لَنَا فِيئَسٌ
 الْقَرَارُ ﴿٦٧﴾
 قَالُوا رَبَّنَا مَنْ قَدَّمَ لَنَا هَذَا فَزِدْهُ عَذَابًا ضَعَفَافِ
 النَّارِ ﴿٦٨﴾
 وَقَالُوا مَا لَنَا لَانَرِي رِجَالًا كَانَ نَعْدُهُمْ مِنَ الْأَشْرَارِ ﴿٦٩﴾
 اخْتَذَهُمْ سَخِيرًا مَرَأَتْ عَنْهُمُ الْأَبْصَرُ ﴿٧٠﴾
 إِنَّ ذَلِكَ لَحَقٌّ تَخَاصُّ أَهْلِ النَّارِ ﴿٧١﴾

"Ini adalah suatu kenangan (kisah-kisah para rasul terpilih), dan sesungguhnya para Muttaqin akan memperolehi sebaik-baik tempat kembali (di Akhirat) (49). Iaitu Syurga-syurga 'Adni yang terbuka segala pintu-pintunya untuk mereka (50). Mereka (beristirehat) bersandar di atas takhta-takhta di dalam Syurga sambil meminta berbagai-bagai buahan dan minuman (51). Dan di samping mereka bidadari-bidadari yang menumpukan pandangan kepada mereka sahaja dan sebaya pula umurnya (52). Inilah balasan yang dijanjikan kepada kamu selepas hari Hisab (53). Sesungguhnya inilah rezeki kurniaan Kami yang tak kunjung habis (54). Inilah (balasan para Muttaqin) dan sesungguhnya orang-orang yang zalim pula akan memperolehi seburuk-buruk tempat kembali (55). Iaitu Neraka yang akan mereka masukinya, maka itulah seburuk-buruk tempat kembali (56). Inilah 'azab seksa, maka hendaklah mereka rasakannya, iaitu air yang amat panas dan air danur (57). Dan (di sana) terdapat berbagai-bagai 'azab yang lain yang serupa dengannya (58). (Kumpulan-kumpulan yang masuk Neraka itu berkata sesama mereka) inilah kumpulan yang masuk Neraka bersama-sama kamu. (Jawab yang lain): Tiada kata-kata

selamat datang untuk mereka. Sesungguhnya mereka tetap masuk Neraka (59). Jawab (kumpulan yang disindir): Sebenarnya kamulah yang tidak wajar diberi kata-kata selamat datang, kerana kamulah yang telah membawa 'azab itu kepada kami. Dan Neraka itulah seburuk-buruk tempat kembali (60). Mereka berkata lagi: Wahai Tuhan kami! Sesiapa yang telah membawa 'azab ini kepada kami, maka tambahkan kepadanya 'azab yang berganda - ganda di dalam Neraka (61). Dan mereka berkata (sesama mereka): Mengapa kita tidak nampak orang-orang yang dahulunya kita kirakan mereka sebagai orang-orang yang jahat (62). Yang kitajadikan mereka sebagai bahan ejekan atau mata kita sahaja yang tidak nampak mereka? (63) Sesungguhnya (cerita pertengkar) itu adalah benar, iaitu pertengkar di antara penghuni Neraka."(64)

Di dalam ayat-ayat yang lalu kita dibawa hidup bersama-sama para hamba Allah yang terpilih, juga dibawa mengingati peristiwa-peristiwa ujian Allah dan kesabaran menghadapi ujian itu, juga mengingati limpah rahmat dan kurnia Allah selepas ujian itu. Itulah sebutan kenangan-kenangan terhadap sejarah hidup mereka yang luhur di dunia ini, kemudian Al-Qur'an meneruskan langkahnya bersama-sama para hamba Allah yang bertaqwah dan bersama-sama para pendusta yang zalim di alam Akhirat di dalam satu pemandangan Qiamat. Di sini kami pinjamkan beberapa lembaran dari buku "مشاهد القيمة في القرآن" untuk meng-gambarkan pemandangan itu dengan sedikit pindaan:

Pemandangan Dua Kumpulan Yang Bertentangan Menerima Balasan Yang Bertentangan Pada Hari Qiamat

Pemandangan itu dimulai dengan dua pemandangan yang bertentangan secara total, iaitu dari sudut ke seluruh perincian, sifat dan bentuk iaitu pemandangan "para Muttaqin" yang mendapat balasan "sebaik-baik tempat kembali" dan pemandangan "orang-orang yang zalim" yang mendapat balasan "seburuk-buruk tempat kembali". Kumpulan pertama memperolehi Syurga 'Adni yang terbuka segala pintunya untuk mereka, di mana mereka beristirehat menyandarkan diri di atas takhta-takhta dan meni'mati pelbagai makanan dan minuman, juga memperolehi keni'matan bidadari-bidadari yang muda belia dan seluruh pandangan mereka ditumpukan kepada mereka sahaja. Di samping umur mereka muda, maka paras mereka sebaya pula. Itulah keni'matan yang berterusan dan rezeki dari Allah "yang tak kunjung habis".

Sementara satu kumpulan lagi memperolehi Neraka Jahannam "seburuk-buruk tempat kembali". Mereka dihidangkan dengan minuman air yang amat panas dan makanan yang menjijikkan. Itulah makanan dari air-air danur penghuni Neraka. Mereka akan diseksa dengan "berbagai-bagai jenis" 'azab.

Kemudian pemandangan itu ditamatkan dengan satu pemandangan yang hidup dengan percakapan-percakapan. Semasa hidup di dunia kumpulan orang-orang yang zalim yang menjadi ahli Neraka itu adalah

bersahabat baik dan mesra, tetapi pada hari ini mereka bermusuh dan bertengkar satu sama lain. Dahulunya mereka menyesat satu sama lain. Setengahnya pula berlagak angkuh terhadap orang-orang yang beriman dan mengejek-ngejekkan da'wah mereka, juga mengejek dakwaan mereka yang berkata bahawa mereka akan memasuki Syurga sebagaimana telah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Quraysy yang pernah berkata:

أَءُنْزِلَ عَلَيْهِ الْذِكْرُ مِنْ بَيْنِ أَيْمَانِنَا

"Apakah patut Al-Qur'an itu diturunkan kepadanya (Muhammad) di antara kami semua?"(8)

Kini mereka merempuh ke dalam Neraka sepuak demi sepuak. Mereka berkata sesama mereka:

هَذَا فَوْجٌ مُّقْتَحِمٌ مَعَكُمْ

"Inilah kumpulan yang masuk Neraka bersama-sama kamu."(59)

Apakah jawapan kumpulan itu? Kata-kata itu dijawab segera dengan marah:

لَا مَرْجَبٌ لَّهُمْ إِنَّهُمْ صَالُوْنَ النَّارِ

"Tiada kata-kata selamat datang untuk mereka. Sesungguhnya mereka tetap masuk Neraka."(59)

Apakah pihak yang dimaki itu diam? Tidak, mereka terus membala:

قَالُواْ بَلْ أَنْتُمْ لَا مَرْجَبٌ كُمْ أَنْتُمْ قَدْ مَتْمُوْهُ لَنَافِئُسَ الْقَرَارِ

"Jawab (kumpulan yang disindir): Sebenarnya kamu lah yang tidak wajar diberi kata-kata selamat datang, kerana kamu lah yang telah membawa 'azab itu kepada kami. Dan Neraka itulah seburuk-buruk tempat kembali."(60)

Yakni kamu lah yang menyebabkan kami menerima 'azab ini, kemudian tiba-tiba terdengar satu seruan yang membayangkan perasaan marah dan ingin menuntut bela:

قَالُواْ رَبَّنَا مَنْ قَدَّمَ لَنَا هَذَا فَزَدُهُ عَذَابًا ضَعَفَّا فِي النَّارِ

"Mereka berkata lagi: Wahai Tuhan kami! Sesiapa yang telah membawa 'azab ini kepada kami, maka tambahkan kepadanya 'azab yang berganda-ganda di dalam Neraka."(61)

Kemudian mereka mencari orang-orang yang beriman yang mereka pernah menunjukkan kesombongan terhadap mereka di dunia. Mereka fikir orang-orang Mu'min itu jahat dan mereka mengejek apabila mereka mengatakan bahawa mereka akan masuk Syurga. Kini mereka mencari mereka, tetapi mereka tidak nampak orang-orang itu merempuh bersama-sama mereka ke dalam Neraka. Mereka tertanya-tanya di mana mereka? Ke mana mereka pergi? Apakah orang-orang Mu'min itu nampak

mereka di sini tetapi mata mereka sahaja yang tidak nampak mereka?

وَقَالُواْ مَا نَلَّا لَأَنَّرَى رِحَالًا كَانُواْ دُهُورُهُمْ مِنَ الْأَشْرَارِ

أَتَخَذَنَاهُمْ سَخْرِيًّا أَمْ زَاغَتْ عَنْهُمُ الْأَبْصَرُ

"Dan mereka berkata (sesama mereka) mengapa kita tidak nampak orang-orang yang dahulunya kita kirakan mereka sebagai orang-orang yang jahat (62). Yang kitajadikan mereka sebagai bahan, ejekan atau mata kita sahaja yang tidak nampak mereka?"(63)

Sedangkan orang-orang Mu'min yang dicarikan mereka⁵ itu sedang berada didalam Syurga di sana.

Pemandangan itu diakhiri dengan menjelaskan keadaan sebenar penghuni Neraka:

إِنَّ ذَلِكَ لَحَقٌ تَخَاصِّمُ أَهْلُ النَّارِ

"Sesungguhnya (cerita pertengkaran) itu adalah benar, iaitu pertengkaran di antara penghuni Neraka."(64)

Alangkah jauh bezanya di antara nasib kesudahan mereka dan nasib kesudahan para Muttaqin yang telah diejek-ejekkan mereka dan menganggap mustahil menjadi kumpulan yang dipilih Allah. Alangkah malangnya nasib mereka yang telah memohon agar disegerakan balasan 'azab itu ke atas mereka dengan kata:

وَقَالُواْ رَبَّنَا اعْجَلْ لَنَا قِطْنَانًا قَبْلَ يَوْمِ الْحِسَابِ

"Wahai Tuhan kami! Segerakanlah bahagian balasan yang diperuntukkan kepada kami sebelum tiba hari hisab."(16)

(Kumpulan ayat-ayat 65 - 88)

قُلْ إِنَّمَا أَنَا مُنذِرٌ وَمَا مِنْ إِلَهٌ إِلَّا اللَّهُ الْوَحْدَهُ الْقَهَّارُ

رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا الْعَزِيزُ الْغَفَّارُ

قُلْ هُوَنَبُؤُ عَظِيمٌ

أَنْتُمْ عَنْهُ مُعْرِضُونَ

مَا كَانَ لِمَنْ مِنْ عِلْمٍ بِالْمَلِكِ الْأَعْلَى إِذْ يَخْتَصِّمُونَ

إِنْ يُوحَى إِلَى إِلَّا أَنَّمَا أَنَا نَذِيرٌ مُّبِينٌ

إِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي خَلَقَ شَرَّاً مِنْ طِينٍ

⁵ Di sana ada qira'at yang tidak menjadikan rangkaikata "أَتَخَذَنَاهُمْ سَخْرِيًّا" sebagai rangkaikata pertanyaan, malah dijadikannya sebagai rangkaikata penerangan. Kami telah memilih qira'at ini kerana maknanya lebih halus dan jelas. Jadi rangkaikata ini merupakan rangkaikata pelengkap bagi rangkaikata sebelumnya dan merupakan sifat kepada "orang-orang yang dahulunya".

فَإِذَا سَوَّيْتُهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رُّوحِي فَقَعُوا لَهُ
سَجِدِينَ ﴿٧٢﴾

سَجَدَ الْمَلَائِكَةُ لِكُلِّهِمْ أَجْمَعُونَ ﴿٧٣﴾

إِلَّا إِبْلِيسَ أَسْتَكَبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ ﴿٧٤﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Sesungguhnya aku hanya seorang rasul yang memberi amaran, dan tiada Tuhan yang sebenar melainkan Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah (65). Tuhan yang memelihara langit, bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya, Yang Maha Perkasa dan Maha Pengampun (66). Katakanlah: Al-Qur'an itulah berita yang agung (67). (Tetapi) kamu berpaling darinya (68). Aku tidak mempunyai sebarang ilmu pengetahuan mengenai alam al-Mala'u'l-A'la ketika mereka (para malaikat) berosoal-jawab (mengenai penciptaan Adam) (69). Tiadalah diwahyukan kepadaku melainkan keranaku selaku seorang rasul yang memberi amaran yang jelas (70). (Kenangilah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah (71). Kemudian apabila Aku menciptakannya dengan sempurna dan meniupkan padanya roh dari (ciptaanku), maka hendaklah kamu merebahkan diri sujud kepadanya (72). Lalu seluruh malaikat sujud kepadanya (73). Melainkan Iblis, dia berlagak angkuh dan termasuk dari golongan orang-orang yang kafir." (74)

قَالَ يَأَيُّهَا إِبْلِيسُ مَا مَنَعَكَ أَنْ تَسْجُدَ لِمَا خَلَقْتُ بِيَدِي
أَسْتَكَبَرْتَ أَمْ كُنْتَ مِنَ الْعَالَمِينَ ﴿٧٥﴾

قَالَ أَنَّا خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِي مِنْ نَارٍ وَخَلَقْتَهُ مِنْ طِينٍ ﴿٧٦﴾

قَالَ فَاخْرُجْ مِنْهَا فَإِنَّكَ رَجِيمٌ ﴿٧٧﴾

وَإِنَّ عَلَيْكَ لَعْنَى إِلَى يَوْمِ الدِّينِ ﴿٧٨﴾

قَالَ رَبِّ فَأَنْظُرْنِي إِلَى يَوْمِ يُبَعَّثُونَ ﴿٧٩﴾

قَالَ فَإِنَّكَ مِنَ الْمُنَظَّرِينَ ﴿٨٠﴾

إِلَى يَوْمِ الْوَقْتِ الْمَعْلُومِ ﴿٨١﴾

قَالَ فَيُعَزِّزَنِكَ لَا يُعِزِّزُهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٨٢﴾

إِلَّا عَبَادَكَ مِنْهُمْ الْمُخْلَصِينَ ﴿٨٣﴾

قَالَ فَلَحْقُ وَالْحَقُّ أَقْوَلُ ﴿٨٤﴾

لَا مُلَانَ جَهَنَّمَ مِنْكَ وَمَنْ تَبِعَكَ مِنْهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٨٥﴾

قُلْ مَا أَسْأَلُكُ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٨٦﴾

إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرُ الْعَالَمِينَ ﴿٨٧﴾

وَلَتَعْلَمُنَّ نَبَاهُ وَبَعْدَ حِينَ ﴿٨٨﴾

"Allah berfirman: Wahai Iblis! Apakah yang menghalangkanmu dari sujud kepada (Adam) yang Aku telah ciptakannya dengan tangan qudrat-Ku? Apakah engkau berlagak angkuh atau pun engkau memang dari golongan yang sombang? (75) Jawab Iblis: Aku lebih baik dari dia (Adam), kerana Engkau telah ciptakan aku dari api, sedangkan Engkau ciptakan dia dari tanah (76). Allah berfirman: Keluarlah darinya (Syurga) kerana sesungguhnya engkau adalah makhluk yang terkutuk (77). Dan sesungguhnya engkau ditimpakan läknat-Ku sehingga hari Qiamat (78). Kata Iblis: Wahai Tuhanku! Berilah tempoh kepadaku sehingga hari mereka dibangkitkan (79). Allah berfirman: Sesungguhnya engkau adalah dari golongan yang diberi tempoh (80). Sehingga kepada hari yang telah ditentukan waktunya (81). Kata Iblis: Demi kekuasaan-Mu aku akan sesatkan mereka semuanya (82). Kecuali para hamba-Mu yang terpilih (83). Allah berfirman: Aku bersumpah dengan kebenaran dan demi kebenaran Aku berkata:(84). Demi sesungguhnya Aku akan penuhkan Neraka dengan jenismu dan dengan seluruh mereka yang mengikutmu (85). (Wahai Muhammad) katakanlah: Aku tidak meminta sebarang upah dari kamu dan aku bukanlah dari orang-orang yang mengada-ngada (86). (Al-Qur'an) itu tidak lain melainkan peringatan bagi semesta alam (87). Dan demi sesungguhnya kam mengetahui (kebenaran) berita Al-Qur'an itu tidak lama lagi."(88)

Dengki Syaitan

Inilah pelajaran akhir di dalam surah ini. Ia kembali menjelaskan persoalan-persoalan yang telah dibicarakan di permulaan surah, iaitu persoalan tauhid, wahyu dan balasan di Akhirat. Pelajaran ini juga menyebut kisah Adam sebagai bukti di atas kebenaran wahyu yang menceritakan peristiwa soal jawab yang berlaku pada suatu hari di alam al-Mala'u'l-A'la, juga menceritakan keputusan Allah menetapkan Hisab terhadap hidayah dan kesesatan pada hari Qiamat kelak. Kisah itu memuatkan cerita hasad dengki hati syaitan dan hasad dengki inilah yang telah membina dan mengusirkan syaitan dari rahmat Allah apabila dia merasa terlalu banyak bagi Adam menerima limpah kurnia dari Allah. Kisah itu juga menggambarkan pertarungan yang berterusan di antara syaitan dengan anak-anak Adam, iaitu satu pertarungan dan perperangan yang tidak pernah tenang dan tidak pernah mengenal gencatan senjata. Matlamat syaitan di dalam pertarungan ialah untuk memerangkapkan manusia sebanyak mungkin di dalam jerat-jeratnya dengan tujuan menarik mereka ke dalam Neraka bersama-sama dengannya sebagai membala dendam terhadap moyang mereka Adam, kerana dengan sebab Adamlah dia terusir dari Syurga. Tegasnya konflik di antara syaitan dengan anak-anak Adam itu adalah satu konflik yang mempunyai matlamat-matlamat yang diketahui umum, tetapi

anak-anak Adam sahaja yang menyerah kalah kepada musuh lama mereka.

Kemudian surah ini ditamatkan dengan menekankan persoalan wahyu (Al-Qur'an) dan kesan-kesan yang amat besar di sebaliknya yang tidak disedari para pendusta yang lalai itu.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 65 - 70)

Kaum Musyrikin Menolak Isu Tauhid Dan Wahyu

قُلْ إِنَّمَا أَنَا مُنذِرٌ وَمَا مِنْ إِلَهٍ إِلَّا اللَّهُ الْوَحَدُ الْقَهَّارُ ٦٥
رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا الْعَزِيزُ الْغَفَّارُ ٦٦

"(Wahai Muhammad)! Katakanlah: Sesungguhnya aku hanya seorang Rasul yang memberi amaran dan tiada Tuhan yang sebenar melainkan Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah (65). Tuhan yang memelihara langit, bumi dan segala kejadian yang ada diantara keduanya, Yang Maha Perkasa dan Maha Pengampun."(66)

Yakni katakanlah kepada kaum Musyrikin yang merasa hairan dan pernah berkata:

أَجَعَلَ الْأَلْهَةَ إِلَهًا وَحِيدًا إِنَّ هَذَا الشَّيْءُ عَجَابٌ ٦٧

"Apakah patut dia hendak menjadikan tuhan-tuhan yang banyak itu hanya satu Tuhan sahaja? Sesungguhnya ini adalah satu perkara yang amat menghairankan."(5)

Katakanlah kepada mereka bahawa hakikat yang sebenar ialah:

وَمَا مِنْ إِلَهٍ إِلَّا اللَّهُ الْوَحَدُ الْقَهَّارُ ٦٨

"Tiada Tuhan yang sebenar melainkan Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah."(65)

Katakanlah kepada mereka bahawa urusan ini bukannya urusanmu. Tugasmu hanya memberi peringatan dan amaran dan selepas itu menyerahkan manusia kepada Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah lagi:

رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا ٦٩

"Tuhan yang memelihara langit, bumi dan segala kejadian yang ada diantara keduanya"(66)

Tiada bagi-Nya sekutu Yang Maha Perkasa dan Maha Pengampun dan di sana tiada tempat perlindungan di langit, bumi dan di antara keduanya selain dari Dia. Dialah "**Yang Maha Perkasa**" yakni Maha Kuat dan berkuasa. Dialah "**Yang Maha Pengampun**" yang memaafkan kesalahan dan menerima taubat. Dia memberi keampunan kepada mereka yang bertaubat kepadanya.

Katakanlah kepada mereka bahawa Al-Qur'an yang dibawa engkau dan ditentang oleh mereka adalah lebih besar dari apa yang difikir mereka. Di sebalik Al-Qur'an akan muncul kesan-kesan yang amat hebat yang tidak disedari oleh orang-orang yang lalai:

*Al-Qur'an Merupakan Berita Yang Agung
Yang Diabaikan*

قُلْ هُوَ نَبَوَّءُ عَظِيمٌ ٦٧ أَنْمَعْنَاهُ مُعَرِّضُونَ ٦٨

"Katakanlah Al-Qur'an itulah berita yang agung (67). (Tetapi) kamu berpaling darinya."(68)

Yakni Al-Qur'an itu adalah jauh lebih agung dari keadaannya yang kelihatan sekarang. Ia adalah salah satu dari urusan Allah di alam buana ini. Ia adalah satu urusan dari urusan-urusan seluruh alam buana ini. Ia adalah satu perencanaan dari perencanaan-perencanaan Allah di dalam peraturan alam al-wujud ini. Ia tidak terpisah dari urusan langit dan bumi dan dari urusan masa silam yang sayup dan urusan masa depan yang jauh.

Kedatangan Al-Qur'an berita yang agung ini adalah menjangkau kaum Quraysy di Makkah, menjangkau umat Arab di Semenanjung Tanah Arab dan menjangkau generasi umat manusia yang sezaman dengan kelahiran da'wah Islamiyah itu. Tegasnya Al-Qur'an menjangkau semua perbatasan-perbatasan tempat dan zaman yang terbatas itu. Al-Qur'an mempengaruhi masa depan umat manusia di seluruh zaman dan tempat dan menentukan nasib mereka sejak ia diturunkan ke bumi sehingga bumi dan segala isi dan penghuninya kembali menjadi warisan Allah (Qiamat). Al-Qur'an telah diturunkan tepat pada waktunya yang telah ditetapkan di dalam peraturan seluruh alam buana ini. Ia diturunkan untuk melaksanakan peranannya tepat dengan waktunya yang telah ditetapkan Allah.

Al-Qur'an telah mengubah garis perjalanan umat manusia ke arah jalan yang digariskan oleh Allah sama ada pada mereka yang beriman dengannya atau mereka yang menghalangkannya, sama ada pada mereka yang berjuang bersama-sama dengannya atau mereka yang menentangnya dan sama ada pada generasinya atau pada generasi-generasi selepasnya. Di dalam seluruh sejarah manusia tidak ada satu peristiwa yang dilalui umat manusia yang meninggalkan kesan-kesan yang besar seperti kesan-kesan yang telah ditinggalkan Al-Qur'an.

Al-Qur'an telah melahirkan nilai-nilai dan kefahaman-kefahaman. Ia telah meletakkan asas-asas peraturan di bumi ini seluruhnya dan untuk semua generasi umat manusia. Ini adalah satu perkara yang tak pernah difikirkan umat Arab walaupun di alam khayal. Pada zaman itu umat Arab tidak sedar bahawa kedatangan Al-Qur'an berita yang agung itu adalah untuk mengubah permukaan bumi, untuk memimpin perjalanan sejarah, untuk merealisasikan perencanaan-perencanaan Allah di dalam kehidupan dunia ini, untuk mempengaruhi hati manusia dan realiti hidupnya dan menyambungkan seluruhnya dengan garis perjalanan seluruh alam al-wujud dan dengan dasar "kebenaran" yang tersembunyi di sebalik penciptaan langit dan segala kejadian yang ada di antara keduanya. Al-Qur'an akan terus melaksanakan tugas-tugas itu sehingga hari Qiamat.

la akan menunaikan peranannya menentukan kedudukan-kedudukan manusia dan kedudukan-kedudukan kehidupan mereka.

Orang-orang Islam pada hari ini mengambil sikap yang sama dengan sikap yang telah diambil oleh orang-orang Arab terhadap Al-Qur'an berita yang agung itu di permulaan Islam. Mereka tidak memahami tabiat Al-Qur'an dan hubungannya dengan tabiat alam al-wujud, mereka tidak memikirkan kebenaran yang tersembunyi di dalam Al-Qur'an supaya tahu bahawa ia adalah sebahagian dari dasar "kebenaran" yang tersembunyi di dalam penciptaan alam buana. Mereka tidak mengamati kesan-kesan Al-Qur'an di dalam sejarah umat manusia dengan pengamatan yang berdasarkan realiti dan pandangan yang bebas bukan berdasarkan pandangan yang diambil dari musuh-musuh Al-Qur'an yang bertungkus lumus memperkecilkan pengaruh Al-Qur'an dalam pembentukan kehidupan manusia dan dalam penentuan garis perjalanan sejarah. Oleh sebab itulah orang-orang Islam tidak memahami hakikat peranan mereka sama ada di zaman silam atau di zaman sekarang atau di zaman akan datang. Peranan ini adalah satu peranan yang berkekalan di bumi ini hingga akhir zaman.

Orang-orang Arab di zaman dahulu menyangka bahawa urusan Al-Qur'an ini adalah urusan mereka dan urusan Muhammad ibn Abdullah s.a.w. yang telah dipilih untuk diturunkan wahyu kepadanya. Mereka menumpukan perhatian mereka kepada kulit yang zahir ini sahaja, tetapi dengan ayat ini Al-Qur'an menarik perhatian mereka bahawa urusan Al-Qur'an ini lebih agung dari itu semua. Ia lebih agung dari mereka dan lebih agung dari Muhammad ibn Abdullah s.a.w., kerana Muhammad hanya pembawa dan penyampai Al-Qur'an berita yang agung ini sahaja. Al-Qur'an bukan dari rekaannya. Beliau tidak akan mengetahui perkara-perkara di alam al-Mala'ul-A'la jika tidak diberitahu oleh Allah. Beliau tidak hadir menyaksikan percakapan-percakapan yang berlaku di alam al-Mala'ul-A'la itu semasa permulaan kejadian manusia, malah semuanya itu diceritakan Allah kepada beliau:

مَا كَانَ لِي مِنْ عِلْمٍ بِالْمَلَأِ الْأَعْلَى إِذْ نَخْتَصُّ مُؤْمِنَوْنَ

إِنْ يُوحَى إِلَيَّ إِلَّا آنَّمَا أَنْذِرْتِي مُؤْمِنِينَ

"Aku tidak mempunyai sebarang ilmu pengetahuan mengenai alam al-Mala'ul-A'la ketika mereka (para malaikat) berosal-jawab (mengenai penciptaan Adam) (69). Tiadalah diwahyukan kepadaku melainkan keranaku selaku seorang Rasul yang memberi amaran yang jelas."(70)

(Pentafsiran ayat-ayat 71 - 85)

Sampai di sini Al-Qur'an mula membentangkan kisah penciptaan manusia dan percakapan-

percakapan yang berlangsung di alam al-Mala'ul-A'la mengenainya pada permulaan Allah hendak menciptakannya. Percakapan-percakapan itu telah menentukan garis perjalanan umat manusia dan menggariskan nasib-nasib dan kesusahan-kesusahan mereka, dan kerana itulah Muhammad s.a.w. telah diutus untuk menyampaikan dan mengingatkan kepada manusia di akhir zaman.

إِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي خَلَقْتُ بَشَرًا مِنْ طِينٍ

فَإِذَا سَوَّيْتُهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رُوحِي فَقَوَّلَهُ

سَجَدَيْنَ

"(Kenangilah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah (71). Kemudian apabila Aku menciptakannya dengan sempurna dan meniupkan padanya roh dari (ciptaanku), maka hendaklah kamu merebahkan diri sujud kepadanya."(72)

Kita tidak mengetahui bagaimana cara Allah berfirman kepada malaikat. Begitu juga kita tidak mengetahui bagaimana cara malaikat menerima firman dari Allah. Kita tidak mengetahui hakikat malaikat melainkan sekadar mengenal beberapa sifat mereka yang disampaikan kepada kita di dalam Al-Qur'an. Kita tidak perlu mengharungi dalam perkara-perkara ghaib yang tidak memberi apa-apa faedah, malah marilah kita terus membicarakan tujuan kisah penciptaan manusia sebagaimana yang diceritakan oleh Al-Qur'an.

Kisah Penciptaan Makhluk Insan Dan Rahsia Tiupan Roh

Allah telah menciptakan makhluk manusia ini dari tanah, sebagaimana seluruh hidup-hidupan yang lain di bumi ini diciptakan dari tanah. Seluruh unsur kejadianinya adalah dari tanah kecuali rahsia hayat, tiada siapa pun yang mengetahui dari mana ia datang dan bagaimana ia datang. Seluruh bahan kejadian manusia adalah dari tanah kecuali rahsia hayat dan kecuali tiupan Ilahi yang telah menjadikan manusia itu insan. Seluruh bahan-bahan jasadnya adalah dari ibunda bumi dan dia akan berubah kepada unsur-unsur bumi sekali lagi apabila dia berpisah dari rahsia Ilahi (rahsia hayat) yang majhul itu, dan turut berpisah darinya ialah kesan-kesan tiupan Ilahi yang telah menentukan garis perjalanan di dalam hidupnya.

Kita tidak mengetahui hakikat tiupan Ilahi ini, tetapi kita hanya mengetahui kesan-kesannya, kerana kesan-kesan inilah yang telah membezakan makhluk manusia dari seluruh makhluk yang lain di bumi ini. Ia membezakan manusia dengan ciri kesediaan dan kebolehan meningkatkan kemajuan minda dan rohani. Ia menjadikan minda manusia dapat mengambil faedah dari pengalaman-pengalaman masa silam dan dapat mengaturkan rancangan-rancangan masa depan. Ia menjadikan roh manusia menjangkau segala sesuatu yang dapat ditanggapkan

dengan pancaindera dan minda untuk berhubung dengan sesuatu yang majhul bagi pancaindera dan minda.

Ciri kebolehan meningkatkan kemajuan minda dan rohani itu hanya dimiliki oleh makhluk manusia sahaja. Ciri ini tidak dikongsikan oleh lain-lain makhluk yang bernyawa di bumi ini. Berbagai-bagai jenis makhluk yang bernyawa telah pun hidup bersama-sama makhluk manusia ketika mereka mulamula dilahirkan di bumi ini, tetapi tidak pernah berlaku di sepanjang sejarah adanya satu makhluk bernyawa yang lain yang telah berjaya - baik sebagai individu maupun sebagai jenis - maju dari segi kemajuan minda atau kemajuan rohani sekalipun telah diterima adanya peningkatan dan kemajuan dari segi jasmani pada makhluk-makhluk itu.

Allah telah meniupkan roh ciptaan-Nya pada makhluk manusia kerana Allah hendak menjadikan manusia sebagai khalifah di bumi supaya ia memegang teraju pentadbiran bumi ini dalam bidang-bidang yang ditentukan Allah kepadanya, iaitu bidang-bidang memaju dan membangunkan bumi dan segala keperluan-keperluannya seperti kuasa-kuasa dan tenaga-tenaga.

Allah telah mengurniakan kepada makhluk manusia kebolehan meningkatkan kemajuan ilmu pengetahuan dan sejak itu manusia terus meningkat maju selama dia menjalankan hubungannya dengan Allah selaku sumber tiupan roh-Nya dan mengambil ilmu pengetahuannya dari sumber itu. Tetapi apabila manusia menyeleweng dari sumber Ilahi ini, maka aliran-aliran pengetahuan-pengetahuan itu tidak lagi secukup dengan dirinya dan dengan hidupnya, juga tidak lagi menuju ke arah tujuan yang sepadu dan selaras menjurus ke hadapan, malah aliran-aliran ilmu pengetahuan yang bercanggah itu membahayakan keselamatan arah tujuannya, kalau tidak pun membawa manusia kepada kejatuhan dari segi ciri-ciri insaniyahnya. Ilmu-ilmu itu boleh menjatuhkan manusia dari tangga kemajuan yang hakiki walaupun ilmu pengetahuan dan pengalaman-pengalamannya telah mencapai kemajuan yang begitu besar di dalam mana-mana bidang kehidupannya.

Makhluk insan yang kerdil yang mempunyai kekuatan, usia dan ilmu pengetahuan yang terbatas itu tidak akan mendapat penghormatan yang setinggi ini andainya tidak kerana tiupan roh Rabbani yang amat luhur itu. Jika tidak kerana tiupan ini manusia akan jadi siapa? Dia hanya akan jadi makhluk yang kecil dan kerdil yang hidup di atas planet bumi bersama-sama berjuta-juta jenis makhluk bernyawa yang lain, sedangkan planet bumi ini pula hanya merupakan satu planet pengikut yang kecil di antara planet-planet yang mengikut matahari, iaitu salah satu dari bintang-bintang di langit dan bintang-bintang yang seperti ini pula terdapat berjuta-jutaan, di angkasaraya yang tiada siapa mengetahui batas sempadannya melainkan hanya Allah. Manusia tidak akan mencapai darjah kehormatan sehingga ia disujud

oleh para malaikat itu melainkan dengan rahsia tiupan roh yang amat halus dan agung ini. Apabila manusia meninggalkan rahsia ini atau berpisah darinya, maka dia akan kembali kepada asal-usul semulajadinya yang kerdil yang diciptakan dari tanah itu.

Para malaikat telah mematuhi perintah Ilahi itu dan itulah fitrah mereka:

فَسَجَدَ الْمَلَائِكَةُ كُلُّهُمْ أَجْمَعُونَ

"Lalu seluruh malaikat sujud kepadanya." (73)

Iblis Enggan Sujud Kepada Manusia

Yakni para malaikat itu sujud kerana menjunjung perintah Ilahi dan kerana menyedari hikmat kebijaksanaan-Nya.

إِلَّا إِبْلِيسَ أَسْتَكْرِرَ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ

"Melainkan Iblis, dia berlagak angkuh dan termasuk dari golongan orang-orang yang kafir." (74)

Apakah Iblis itu dari malaikat? Yang jelasnya tidak, kerana jika dia dari malaikat tentulah dia tidak menderhaka, sebab para malaikat tidak pernah melanggar segala apa yang diperintahkan kepada mereka dan mereka sentiasa menjunjung segala apa yang diperintahkan kepada mereka. Selepas ini akan diterangkan bahawa Iblis adalah diciptakan dari api dan menurut riwayat yang ma'thur malaikat adalah diciptakan dari nur. Tetapi pada masa itu Iblis berada bersama-sama para malaikat dan dia juga diperintah supaya turut sujud bersama dan Allah tidak menyebut Iblis dengan terus terang ketika mengeluarkan perintah itu kerana menghinakannya dengan sebab kederhakaannya. Kita hanya mengetahui perintah sujud itu ditujukan kepada Iblis dari kecaman Allah terhadapnya:

قَالَ يَاهْيَ إِبْلِيسُ مَا مَنَعَكَ أَنْ تَسْجُدَ لِمَا خَلَقْتُ بِيَدِي

أَسْتَكْرِرَتْ أَمْ كُنْتَ مِنَ الْعَالِيَنَ

"Allah berfirman: Wahai Iblis! Apakah yang menghalangkanmu dari sujud kepada (Adam) yang Aku telah ciptakannya dengan tangan qudrat-Ku? Apakah engkau berlagak angkuh atau pun engkau memang dari golongan yang sombong?" (75)

Apakah sebab yang menahan engkau dari sujud kepada makhluk Adam yang telah Aku ciptakannya dengan qudrat tangan-Ku? Sedangkan Allah itulah yang menciptakan segala sesuatu. Di sana pastilah ada sesuatu kelebihan dan keistimewaan pada makhluk yang diciptakan itu sehingga wajar dimuliakan sedemikian rupa. Keistimewaan itu ialah makhluk manusia mendapat inayah Rabbaniyah yang khusus dari Allah. Ini dapat dibuktikan dari tiupan roh yang dikurniakan kepadanya, "Apakah engkau berlagak angkuh" untuk menjunjung perintah-Ku "atau pun engkau memang dari golongan yang sombong" yang tidak tunduk kepada yang lain?

قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِي مِنْ نَارٍ وَخَلَقْتَهُ مِنْ طِينٍ

"Jawab Iblis: Aku lebih baik dari dia (Adam) kerana Engkau telah ciptakan aku dari api, sedangkan Engkau ciptakan dia dari tanah."(76)

Itulah perasaan hasad dengki yang terluah dari jawapan ini. Itulah pengabaian terhadap unsur roh yang luhur pada kejadian Adam, iaitu unsur tambahan di atas unsur tanah pada kejadiannya. Inilah unsur yang melayakkan Adam menerima penghormatan setinggi itu. Jawapan Iblis adalah satu jawapan yang amat keji yang terbit dari tabiat Iblis yang sunyi dari segala unsur kebaikan dalam situasi yang amat besar itu.

Di sini keluarlah perintah Ilahi mengusirkan Iblis makhluk penderhana yang amat keji itu:

قَالَ فَأَخْرُجْ مِنْهَا فَإِنَّكَ رَجِيمٌ

وَإِنَّ عَلَيْكَ لَعْنَةٌ إِلَى يَوْمِ الْدِينِ

"Allah berfirman: Keluarlah darinya (Syurga) kerana sesungguhnya engkau adalah makhluk yang terkutuk (77). Dan sesungguhnya engkau ditimpakan laksat-Ku sehingga hari Qiamat."(78)

Kita tidak dapat menentukan ke manakah pulangnya gantinama pada kata: () "keluar darinya", adakah maksud keluar dari Syurga atau keluar dari rahmat Allah? Kedua-duanya boleh belaka dan ini tidak memerlukan kepada perbahasan yang banyak. Yang penting ialah perbuatan melanggar perintah Allah itu adalah dibalas dengan pengusiran, kutukan dan kemurkaan.

Di sini perasaan dengki berubah kepada dendam dan kepada keazaman menuntut bela di dalam hati Iblis:

قَالَ رَبِّ فَأَنْظُرْنِي إِلَى يَوْمِ يُبَعَّثُونَ

"Kata Iblis: Wahai Tuhanku! Berilah tempoh kepadaku sehingga hari mereka dibangkitkan."(79)

Kisah Dendam Iblis

Kerana sesuatu hikmat yang telah ditetapkan Allah, maka Allah memperkenankan permintaan Iblis yang memohon tempoh kesempatan yang dikehendakinya itu:

قَالَ فَإِنَّكَ مِنَ الْمُنْظَرِينَ

إِلَى يَوْمِ الْوَقْتِ الْمَعْلُومِ

"Allah berfirman: Sesungguhnya engkau adalah dari golongan yang diberi tempoh (80). Sehingga kepada hari yang telah ditentukan waktunya."(81)

Dan syaitan telah mendedahkan matlamatnya untuk meluahkan dendam kesumatnya:

قَالَ فَيَعْزِزُكَ لَأَغْوِيَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ

إِلَّا عِبَادَكَ مِنْهُمْ الْمُحَلَّصِينَ

"Kata Iblis: Demi kekuasaan-Mu aku akan sesatkan mereka semuanya (82). Kecuali para hamba-Mu yang terpilih."(83)

Dengan pengumuman ini jelaslah aturcara rancangan syaitan. Dia telah bersumpah dengan kekuasaan Allah bahawa dia akan berusaha menyesatkan semua anak Adam dan dia tidak kecualikan melainkan mereka yang tidak dapat dipengaruhi olehnya. Ini bererti bahawa dia mengecualikan mereka bukan kerana kemurahannya bahkan kerana dia tidak berupaya untuk menguasai mereka. Dengan pengumuman ini juga jelas menunjukkan bahawa di sana ada dinding penyekat di antara Iblis dan orang-orang yang terselamat dari godaan, dan dinding penyekat itu ialah amalan-amalan ibadat yang tulus ikhlas kepada Allah. Itulah pelampung dan tali keselamatan dari godaan syaitan. Ini adalah mengikut kehendak Allah yang menentukan kebinasaan dan keselamatan. Kemudian Allah mengumumkan iradat-Nya dan menentukan aturcara rancangan-Nya pula:

قَالَ فَالْحَقُّ وَالْحَقُّ أَقُولُ

لِأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنْكَ وَمِمَّنْ تَبَعَكَ مِنْهُمْ أَجْمَعِينَ

"Allah berfirman: Aku bersumpah dengan kebenaran dan demi kebenaran Aku berkata: (84) Demi sesungguhnya Aku akan penuhkan Neraka dengan jenismu dan dengan seluruh mereka yang mengikutmu."(85)

Allah selama-lamanya menjelaskan sesuatu yang benar. Al-Qur'an menjelaskan hakikat ini berkali-kali di dalam surah ini dengan berbagai-bagai gambaran dalam berbagai-bagai peristiwa. Dua orang yang berguam yang memanjat tembok mihrab Daud telah berkata kepada beliau:

فَاحْكُمْ بَيْنَنَا بِالْحَقِّ وَلَا تُشَطِّطْ

"Adililah di antara kami dengan hukuman yang benar dan janganlah berlaku zalim."(22)

Dan Allah menyeru hamba-Nya Daud:

فَاحْكُمْ بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعْ الْهَوَى

"Adililah di antara manusia dengan hukuman yang berat dan janganlah mengikut hawa nafsu."

Kemudian diiringi pula dengan isyarat kepada dasar yang benar yang tersembunyi di sebalik penciptaan langit dan bumi:

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاءَ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا بَطِلَّا ذَلِكَ

نَّلْذِينَ كَفَرُوا

"Dan Kami tidak ciptakan langit, bumi dan segala kejadian di antara keduanya suatu perkara mainan (sia-sia). Itulah sangkaan orang-orang yang kafir."(27)

Kemudian dasar yang benar ini disebut oleh Allah Yang Maha Perkasa sendiri:

قَالَ فَالْحُقُّ وَالْحَقُّ أَقْوَلُ ﴿٨٤﴾

"Allah berfirman: Aku bersumpah dengan kebenaran dan demi kebenaran Aku berkata."(84)

Itulah kebenaran yang bermacam-macam tempat dan gambarannya, tetapi hakikatnya satu sahaja termasuk janji Allah yang benar (dalam ayat yang berikut):

لَا مَلَانَ جَهَنَّمَ مِنْكَ وَمِنَ تَبَعَكَ مِنْهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٨٥﴾

"Demi sesungguhnya Aku akan penuhkan Neraka dengan jenismu dan dengan seluruh mereka yang mengikutmu."(85)

Itulah konflik di antara syaitan dan anak-anak Adam. Mereka menghadapi konflik itu dengan penuh pengetahuan dan kesedaran. Akibat konflik itu juga jelas diterangkan pada janji Allah yang benar. Mereka bertanggungjawab di atas pemilihan dan keputusan yang dibuat oleh mereka terhadap diri mereka sendiri.

Rahmat Allah mahukan manusia tidak berada di dalam kejahilan dan kelalaian kerana itu Allah mengirimkan para rasul untuk mengingat dan memberi amaran kepada mereka.

* * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 86 - 88)

Da'wah Rasulullah Adalah Da'wah Yang Tulus Ikhlas

Pada akhir pusingan ini dan pada akhir surah ini Allah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya menyampaikan kepada mereka pengumuman yang akhir ini:

قُلْ مَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُتَكَبِّفِينَ ﴿٨٦﴾
إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَالَمِينَ ﴿٨٧﴾
وَلَتَعْلَمُنَّ بَأْهُوَ بَعْدَ حِينٍ ﴿٨٨﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Aku tidak meminta sebarang upah dari kamu dan aku bukanlah dari orang-orang yang mengada-ngada (86). (Al-Qur'an) itu tidak lain melainkan peringatan bagi semesta alam (87). Dan demi sesungguhnya kamu akan mengetahui (kebenaran) berita Al-Qur'an itu tidak lama lagi."(88)⁶

Itulah da'wah yang tulus ikhlas demi untuk keselamatan setelah diterangkan akibat dan diberi amaran. Itulah da'wah yang ikhlas yang tidak meminta sebarang upah dan ganjaran. Rasul penda'wahnya seorang yang berhati bersih. Dia bercakap benar tidak mengada-ngada dan tidak pula berpura-pura. Dia tidak menyuruh melainkan sesuatu yang diwahyukan kepadanya dan sesuai pula dengan logik fitrah. Al-Qur'an adalah suatu peringatan

kepada semesta alam kerana manusia kadang-kadang lupa dan kadang-kadang lalai. Al-Qur'an itu suatu berita yang agung yang belum lagi diperhatikan mereka pada hari ini tetapi mereka akan mengetahui beritanya tidak lama lagi di bumi ini. Mungkin mereka akan mengetahuinya berapa tahun kemudian selepas firman ini, dan seterusnya mereka akan mengetahui berita itu pada hari Qiamat yang telah ditentukan waktunya, iaitu setelah tiba masa yang dijanjikan Allah:

لَا مَلَانَ جَهَنَّمَ مِنْكَ وَمِنَ تَبَعَكَ مِنْهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٨٥﴾

"Demi sesungguhnya Aku akan penuhkan Neraka dengan jenismu dan dengan seluruh mereka yang mengikutmu."(85)

Kata-kata penamat surah ini sesuai dengan pembukaannya, sesuai dengan maudhu' dan persoalan-persoalan yang dibicarakannya. Nada pengumuman akhir ini bergema begitu jauh dan menyarankan betapa besar perkara yang akan berlaku itu:

وَلَتَعْلَمُنَّ بَأْهُوَ بَعْدَ حِينٍ ﴿٨٨﴾

"Dan demi sesungguhnya kamu akan mengetahui (kebenaran) berita Al-Qur'an itu tidak lama lagi."(88)⁶

(Tamat Juzu' Yang Kedua Puluh Tiga)

⁶ Juzu' yang kedua puluh tiga berakhir pada ayat (31) dari Surah az-Zumar tetapi kami memilih supaya Surah az-Zumar ditafsirkan sepenuhnya dalam Juzu' kedua puluh empat.